



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
Senate

PARLIME NKETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

Jilid I

Bil. 30

Hari Jumaat

4hb Disember, 1987

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1988

(Ruangan 34)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Jumaat, 4hb Disember, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

MUhibah di kalangan murid-murid

1. **Puan Hajjah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah mata pelajaran yang sesuai bagi memupuk muhibah di antara kaum yang boleh ditanam di peringkat murid-murid sekolah awal-awal lagi. Jika ada adakah ianya memberi kesan.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk memupuk semangat muhibah di kalangan murid-murid kita, pihak Kementerian Pendidikan mengambil pendekatan secara menyeluruh iaitu melalui semua matapelajaran serta aktiviti-aktiviti ko-kurikulum. Nilai-nilai murni seperti kerjasama, tolak ansur dan tolong menolong disisipkan dalam KBSR, khususnya melalui matapelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Alam dan Manusia.

Pemupukan sikap dan peribadi mulia ini diteruskan di sekolah menengah terutamanya melalui matapelajaran Sivik dan Sejarah. Kedua-dua matapelajaran ini menekankan pemahaman mengenai konsep kemasyarakatan, perpaduan, semangat kekitaan dan setianegara.

Melalui aktiviti-aktiviti ko-kurikulum pula seperti sukan, permainan dan penglibatan dalam pasukan pakaian seragam, kelab dan persatuan yang perlu disertai oleh semua murid-murid, nilai-nilai murni masyarakat dan semangat muhibah juga disemai dan dipupuk.

Memandangkan pendekatan yang diambil bercorak bersepadu yang menekankan penghayatan dan amalan, Kementerian yakin bahawa pendekatan ini akan memberi kesan untuk memupukkan semangat muhibah di antara kaum dalam masa jangka panjang.

KELAS BIMBINGAN KANAK-KANAK

2. **Tuan Azman Attar bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah kanak-kanak yang mengikut Kelas Bimbingan Kanak-kanak di bawah umur 6 tahun (bawah kelolaan Jabatan Perpaduan Negara) ini dilatih di dalam kelas dari segi menghormati dan mentaati serta mencintai negara kita dari kecil-kecil lagi; dan
- (b) kalau ada, apakah mata pelajaran yang ada kaitan semangat mencintai negara kita yang berdaulat ini termasuk jenis lagu-lagu Negaraku dan lagu-lagu yang berbentuk perpaduan di antara semua kaum.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Raja Ariffin bin Raja Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Jabatan Perpaduan Negara sedang menjalankan sebanyak 440 TABIKA Perpaduan di seluruh negara. Menerusi rancangan ini adalah menjadi hasrat Jabatan Perpaduan Negara untuk memupuk semangat muhibah kejiwaan dan taat setia dan cintakan tanah air di kalangan kanak-kanak yang terdiri dari berbagai keturunan. Untuk mencapai matlamat ini teras ko-kurikulumnya menumpukan kepada aspek-aspek berikut:

- (1) perkembangan pendidikan ketatanegaraan;
- (2) perkembangan pendidikan kerohanian dan moral;
- (3) penggunaan Bahasa Malaysia.

Dalam aspek pendidikan ketatanegaraan isi-isi pelajaran yang disampaikan adalah untuk membentuk anak-anak supaya mencintai tanah air, menghormati lagu Negaraku dan lagu Kebangsaan Negeri, menghormati bendera Malaysia dan bendera Negeri, setia kepada Raja, mematuhi peraturan dan undang-undang, mempunyai semangat perpaduan kaum, mengamalkan semangat kemasyarakatan, menghormati pemimpin dan ketua-ketua, menghormati rumah ibadat dan institusi awam.

Begitu juga aspek-aspek pendidikan kerohanian dan moral, isi-isi pelajaran yang disampaikan adalah untuk membentuk anak-anak supaya mempunyai kepercayaan kepada Tuhan, sikap berbudi bahasa dan bersopan santun, sikap amanah, sikap hormat menghormati, sikap kasih sayang, sikap berterima kasih, sikap rajin dan sebagainya. Segala aspek-aspek di atas adalah tersirat di dalam berbagai aktiviti harian yang disusun untuk kanak-kanak TABIKA Perpaduan semasa bercerita, menyanyi lagu-lagu termasuk juga aktiviti-aktiviti ko-kurikulum.

Puan Hajjah Rosnah binti Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dikatakan iaitu 440 TBK Perpaduan telah wujud, adakah di antara TBK perpaduan Jabatan Pendidikan dan juga KEMAS diselaraskan mengenai dengan syllabus dan ko-kurikulum.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan tadi adalah hanya TABIKA perpaduan yang dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara. Ianya mempunyai hasrat-yasrat yang tertentu dan mungkin ada perbezaan daripada TBK (TABIKA) yang dijalankan oleh KEMAS ataupun mana-mana agensi yang lain.

Tuan Azman Atar bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berbormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, adakah Kementerianya bertanggungjawab masalah kelas-kelas perpaduan ini sedar bahawa ada kelas-kelas TABIKA hanya diuntukkan kepada satu-satu kaum sahaja, kerana saya terpaksa menegur perkara ini kalau kita hendak jadikan Malaysia ini merupakan satu bahasa dan satu bangsa mesti kita lentur daripada awal-awal lagi - daripada rebung lagi. Jadi, saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat menyatakan di dalam Dewan ini sama ada beliau sedar atau tidak dan sekiranya ada, bolehkah atau tidak Kementerian mewajibkan semua

kelas-kelas TABIKA di bawah Kementerian Yang Berhormat mesti datangnya daripada semua kaum.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Kita memang sedar ada kelas-kelas TABIKA yang dijalankan di mana sebahagian besar daripada anak-anak yang mengikuti kelas TABIKA ini daripada satu golongan kaum sahaja. Ini bukanlah disengajakan tetapi kerana ianya diadakan di kawasan-kawasan di mana sesuatu kumpulan etnik itu menjadi kumpulan majoriti, dan memang ada arahan daripada Jabatan Perpaduan Negara supaya seberapa yang boleh kita hendakkan penyertaan kelas TABIKA ini adalah terdiri daripada semua golongan kaum yang ada. Tetapi ingin saya jelaskan di sini bahawa penyertaan satu kaum tidaklah bermakna bahawa kelas-kelas TABIKA dijalankan oleh Jabatan Perpaduan Negara ini tidak bergerak ke arah mewujudkan perpaduan kerana kita perlu juga ambil ingatan dari segi demografik - taburan penduduk di dalam negara kita ini kalau dibandar kawasan-kawasan tertentu boleh dikatakan diduduki oleh satu kaum sahaja dan di kawasan luar bandar pula diduduki oleh kaunt-kaum yang lain tetapi semua aktiviti di dalam negara mestilah bergerak membangkitkan kesedaran dan kehendak kepada perpaduan dan menanamkan semangat-semangat dan penghayatan kepada kehendak ini supaya kita wujudkan perpaduan di dalam negara. Sekian, terima kasih.

PEROGOL KANAK-KANAK - HUKUMAN BERAT

3. Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah Kerajaan mengadakan hukuman yang lebih berat dan setimpal dengan kesalahan perogol kanak-kanak yang di bawah umur yang tidak pun berpakaian seksi dan tidak pun mengetahui sama sekali. Ibu bapa selalu cemas kerana perkara sedemikian sering berlaku di negara kita.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa soalan ini telahpun dijawab bersama-sama dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah binti Haji Mohd. Said pada 1hb Disember yang lalu dan saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa jawapan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Paramjit Singh.

Tuan Raji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 4.

PERPADUAN KAUM

4. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom [di bawah S.O. 23[2]] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memupuk perpaduan kaum dalam negara ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membanteras pelampau perkauman dalam negara ini.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk memupuk perpaduan kaum dalam negara ini dilaksanakan melalui dua strategi, iaitu strategi penggalakan dan strategi pencegahan.

Di dalam strategi penggalakan ini Kerajaan menggalakkan rakyat dari berbagai keturunan bergaul dan berinteraksi melalui kegiatan-kegiatan kemasyarakatan di dalam kawasan-kawasan sejiran melalui sektor Rukun Tetangga. Ini bertujuan menjalin serta memupuk semangat kejiranan yang teguh, menanam sikap tolong-menolong, berbaik-baik sangka ke arah keharmonian masyarakat. Strategi penggalakan ini meliputi bidang sukan, sosial, pendidikan, kebudayaan, kebajikan, kesihatan, keselamatan dan rekreasi dan keagamaan. Antara aktiviti ini ialah TABIKA pendidikan, kelas pendidikan tidak formal., aktiviti-aktiviti sektor Rukun Tetangga sepertimana disebutkan, seminar dan forum dan juga khemah kerja kejiranan.

Strategi pencegahan mengandungi program-program seperti pengesanan perhubungan sosial. Program ini bertujuan mengesan polar perhubungan dan seterusnya menyelaraskan tindakan-tindakan pencegahan supaya keretakan dalam masyarakat tidak berlaku.

Perlu saya jelaskan bahawa strategi penggalakan ini mengandungi program seperti khemah kerja kejiranan, pendidikan pra-sekolah perpaduan dan pendidikan tidak formal dan sebagainya dalam program-program dalam skim Rukun Tetangga hanya dapat mengurangkan dan membendung perasaan pelampauan perkauman. Tegasnya, strategi penggalakan dan pencegahan yang dilakukan oleh Jabatan Perpaduan Negara tidak dapat mengikis pelampauan perkauman yang diajukan oleh setengah-setengah golongan, khususnya parti-parti politik tertentu yang menekankan perkauman secara tidak bertanggungjawab bertujuan semata-mata untuk memancing sokongan dan mendapat undi. Usaha mengikis pelampauan perkauman amat bergantung kepada kebijaksanaan ketua-ketua parti yang berkenaan, khususnya di kalangan anggota-anggota mereka.

PELABUR ASING - PENJELASAN

5. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah langkah-langkah telah diambil untuk memberi penjelasan kepada pelabur-pelabur asing supaya mendapatkan semula keyakinan terhadap Malaysia, memandangkan ada beberapa suratkhbar asing yang melaporkan berita negative terhadap Malaysia berhubung dengan tindakan penahanan orang-orang di bawah ISA.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan]: Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya tindakan Kerajaan membuat penahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri adalah untuk menjamin keamanan dan kestabilan negara iaitu ciri-ciri terpenting bagi menjamin perkembangan ekonomi. Justeru itu, ekoran langkah tersebut adalah juga bagi membina keyakinan pelabur-pelabur asing terhadap Malaysia.

Namun begitu, seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat terdapat beberapa suratkhbar asing yang cuba memesong dan memutar belitkan berita-berita berhubung tindakan Kerajaan ini yang mungkin mempengaruhi pelabur-pelabur asing. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri melalui Perwakilan-perwakilan kita telah bertindak memberi penjelasan kepada pihak-pihak yang berkenaan berhubung keadaan yang sebenar. Di samping itu, Perwakilan-perwakilan juga menjawab dan menangkis kritikan-kritikan yang dibuat oleh akhbar-akhbar tertentu berhubung dengan tindakan Kerajaan ini. Untuk menentukan Perwakilan-perwakilan boleh membuat penjelasan, memberi jawapan dan penangkisan yang tepat dan jitu, Kementerian Luar Negeri sentiasa membekalkan mereka dengan maklumat-maklumat dan garis-garis panduan berhubung dengan perkara ini.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Soalan tambahan. Disebut tadi suratkhbar asing. Suratkhbar asing negara manakah yang ditujukan itu?

Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kritikan-kritikan yang kita dapat berkenaan tahanan ISA datangnya daripada akhbar-akhbar daripada sebelah Barat dan ada juga sebuah dua negara di rantau ini juga yang ada membuat laporan yang negatif terhadap dasar ataupun tindakan Kerajaan berkenaan dengan tahanan berkenaan.

PELUPUSAN SAMPAH SARAP

6. Tuan G. Rajoo minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar pembuangan sampah yang dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan berhampiran kawasan-kawasan perumahan telah menjejaskan kebersihan udara dan kesihatan penduduk-penduduk di persekitaran tempat ini;
- (ii) jika sedar, apakah rancangan Kerajaan untuk melaksanakan projek pembuangan sampah dengan cara yang lebih selamat dan 'hygienic'; dan
- (iii) sama ada Kerajaan akan berusaha membina tempat membakar sampah (incinerator) di setiap bandar di negara ini. Jika tidak, kenapa.

9.12.87

1. Dato' Dr. K.S. Nijhar minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan cara pembuangan serta kemudahan-kemudahan untuk memproses bahan-bahan buangan pepejal di bandar-bandar. Apakah Langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan tidak ada kesan buruk atas kesihatan awam dan alam sekitar.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze] Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Senator Dato Dr. K.S, Nijhar yang dijadualkan untuk 9hb Disember ini oleh kerana kedua-dua pertanyaan merujuk kepada perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar terdapatnya beberapa tapak pelupusan pihak berkuasa tempatan yang terletak berhampiran kawasan-kawasan perumahan. Pengendalian pelupusan sampah sarap di tapak-tapak tersebut dan habuk terhadap penduduk-penduduk yang tinggal berdekatan. Oleh kerana saya tidak berpuashati dengan keadaan ini, maka Jabatan Alam Sekitar telah berhubung dengan pihak-pihak berkuasa tempatan berkenaan supaya langkah-langkah diambil oleh mereka bagi menyelesaikan masalah bau busuk dan habuk tersebut.

Walau bagaimanapun, dalam pada itu belum ada sebarang kes yang menunjukkan bahawa kesihatan penduduk di kawasan sedemikian adalah terjejas.

Berkenaan dengan penggunaan tempat membakar sampah (incinerator) memandangkan kos pelupusan sampah sarap melalui incinerator adalah berlipatganda jika dibandingkan dengan kos pelupusan sampah sarap di atas tanah, maka tidaklah ekonomik untuk menggunakan incinerator di setiap bandar.

Walaupun demikian, keputusan mengenai hal ini terpulang kepada pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan masing-masing. Saya difahamkan bahawa di dalam usaha-usaha Kerajaan bagi melaksanakan projek pelupusan sampah sarap dengan cara yang lebih sempurna, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang merumuskan satu pelan tindakan kebangsaan bagi mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh setiap pihak berkuasa tempatan di negara ini di dalam hal pelupusan sampah sarap dan mengesyorkan sistem-sistem pelupusan yang sesuai untuk digunakan di negara ini.

Puan Law Jack Yoon: Soalan tambahan. Yang Berhormat, selain daripada membakar sampah sarap adakah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mengadakan atau bercadang mengadakan projek seperti menukarkan sampah sarap kepada bahan-bahan berguna misalnya gas methanol?

Dato' Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tidak ada.

Tuao Ng Peng Hay: Memandang sampah toxic atau sisa-sisa toxic, dengan izin, yang agak membahayakan kepada kesihatan manusia, maka apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar untuk mengatasi masalah ini dalam pembuangan sisa-sisa toxic yang ada daripada kilang-kilang di negara kita?

Dato' Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembuangan sisa-sisa toxic kilang sekarang ini belum ada apa-apa cadangan. Jadi, setakat ini kita memberi nasihat kepada kilang-kilang supaya menyimpan sisa-sisa toxic dalam kilang-kilang mereka.

PELAJAR ORANG ASLI - KEMASUKAN KE MRSM

7. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jumlah bilangan pelajar-pelajar Orang Asli telah masuk ke Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) sejak ditubuhkan hingga sekarang.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar [Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali]: Tuan Yang di-Pertua, pengambilan pelajar untuk memasuki MRSM ke Tingkatan Satu adalah berdasarkan kepada pencapaian yang baik dalam peperiksaan penilaian Darjah Lima dan lulus ujian pemilihan yang diadakan oleh MARA.

Sementara bagi memasuki ke Tingkatan Empat di MRSM, pelajar-pelajar mestilah memperolehi kelulusan yang baik dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), terutama dalam mata pelajaran Sains, Matematik, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Peluang bagi memasuki MRSM sama ada ke Tingkatan Satu dan Empat terbuka kepada semua pelajar-pelajar bumiputera.

Semenjak MRSM ditubuhkan, hanya cerdapat dua orang pelajar Orang Asli yang diterima melalui Jabatan Orang Asli, iaitu pada tahun 1985 dan ditempatkan di MRSM Perlis.

PERTUMBUHAN EKONOMI/KADAR FAEDAH PINJAMAN

8. **Tuan Tiong Hiew King** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih cepat; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang mengurangkan lagi kadar faedah pinjaman bank-bank dan institusi-institusi kewangan untuk menggalakkan pertumbuhan industri-industri dalam negeri terutama industri pembuatan.

Timbalan Menteri Kewangan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara telahpun dinyatakan secara terperinci dalam Ucapan Belanjawan Yang Berhormat Menteri Kewangan 1988 di Dewan Rakyat, Perutusan Belanjawan Menteri-Kewangan 1988 di Dewan ini dan dalam Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan 1987/1988. Oleh itu saya tidak bercadang untuk menyatakan dengan lebih lanjut lagi berkenaan hal tersebut.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, kadar faedah atas pinjaman bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan adalah ditentukan dengan berdasarkan kepada kadar pinjaman asas (KPA) atau, dengan izin, Base Lending Rate (BLR) mereka. Ini bermakna bahawa penurunan dalam KPA akan diikuti oleh penurunan dalam kadar faedah atas pinjaman, Sebaliknya KPA itu pula adalah ditentukan oleh kos kumpulan wang kepada institusi-institusi kewangan, yang terdiri daripada kadar faedah ke atas deposit dan kadar faedah pinjaman antara bank.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tahun ini KPA bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan telah diturunkan sebanyak 4 kali iaitu sejajar dengan kejatuhan kos kumpulan wang mereka. Pada masa ini mod KPA bagi bank-bank perdagangan adalah pada kadar 7.5% berbanding dengan 9.0% pada awal tahun ini dan 10% pada akhir tahun

1986. Bagi syarikat-syarikat kewangan pula, mod KPA mereka sekarang adalah 9.25% berbanding dengan 11.5% pada awal tahun ini dan 12.0% pada akhir tahun 1986.

Bagi memastikan supaya faedah yang diperolehi dari kejatuhan kos kumpulan wang disalurkan juga kepada peminjam-peminjam, Bank Negara telah mengeluarkan garis panduan kepada institusi-institusi kewangan pada bulan September, 1987 dengan menetapkan bahawa jidar maksima yang dibenarkan ke atas faedah pinjaman hendaklah tidak melebihi 4 mata peratusan daripada KPA dengan tambahan satu mata peratusan untuk kadar penalti di mana perlu. Garis panduan itu dianggap perlu memandangkan penurunan kadar purata pinjaman yang agak lembab di kalangan institusi-institusi kewangan.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, kadar faedah pinjaman adalah ditentukan dengan berdasarkan kepada KPA, di mana KPA itu sendiri bergantung kepada kos kumpulan wang bagi institusi-institusi kewangan. Kerajaan hanya memainkan peranan bagi menentukan agar kadar faedah pinjaman adalah berpatutan dan sejajar dengan kos kumpulan wang mereka.

Pengawasan ke atas kadar faedah pinjaman itu adalah dijalankan dari masa ke semasa bagi memastikan bahawa sumber-sumber pembiayaan, termasuk untuk industri-industri tempatan, diperolehi dengan kos yang berpatutan. Pengawasan ini dengan sendirinya akan membantu menggalakkan perkembangan ekonomi negara, termasuklah industri-industri pembuatan terapan.

LADANG-LADANG - LANGKAH MEMBASMI KEMISKINAN

9. **Tuan M. Sangaralingam** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada usaha-usaha membasmi kemiskinan melibatkan juga ladang-ladang dan sama ada banci-banci pernah dijalankan untuk menentukan keadaan dan kedudukan di ladang-ladang dengan tujuan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

[Timbalan Meoteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Tuan Yang di-Pertua, pembangunan negara telah dan akan terus menitikberatkan usaha-usaha dasar pembasmian kemiskinan terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar, termasuk ladang-ladang.

Kajian banci ke atas ladang-ladang dibuat dari semasa ke semasa oleh beberapa agensi yang terlibat. Ini termasuklah kajian-kajian seperti Petunjuk-petunjuk Buruh 1980 bagi Semenanjung Malaysia oleh Kementerian Buruh, Socio-Economic Study of Rubber Estate Workers, dengan izin, oleh SERU, 1980 dan beberapa kajian lain oleh NUPW, RRI dan Jabatan Perangkaan.

Kajian-kajian tersebut pada keseluruhannya bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai kedudukan sosio-ekonomi ladang-ladang. Hasil-hasil kajian digunakan untuk membatu di dalam perancangan dan pembangunan sosio-ekonomi penduduk-penduduk miskin di ladang-ladang pada keseluruhannya.

Tuan C, Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah cadangan di dalam Jabatan Perdana Menteri untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Kebajikan peringkat nasional bagi mengatasi masalah-masalah yang masih rumit dihadapi oleh pekerja-pekerja ladang. Seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri sedia maklum, pekerja-pekerja ladang di dalam kajian-kajian Yang Berhormat punterdapat bahawa mereka masih satu golongan yang miskin. Oleh sebab itu, adakah cadangan di dalam Jabatan Perdana Menteri untuk menubuhkan Jawatankuasa Kebajikan seperti di. Kerajaan-kerajaan Negeri.

Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya katakan tadi bahawa tujuan kajian dijalankan adalah dengan tujuan untuk mendapatkan maklumat supaya perancangan dapat dijalankan dan supaya masalah-masalah yang ada dapat diatasi oleh pihak-pihak yang terlibat. Dalam usaha untuk mengatasi masalah-masalah yang kedapatan dalam ladang-ladang ini, ini melibatkan kerjasama di. antara pihak pengurusan ladang-ladang sama ada dari segi swasta ataupun semi. swasta dengan kerjasama jentera-jentera Kerajaan iaitu melalui jentera Majlis Tindakan Daerah. Namun demikian, cadangan daripada Ahli Yang Berhormat, mengenai Jawatankuasa Kebajikan itu boleh dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan.

SYARIKAT TELEKOM MALAYSIA - PERKHIDMATAN

10. **Dato' Dr. K.S. Nijhar** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan faedah kepada pelanggan-pelanggan telefon sejak penswastan telefon sejak penswastan Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Datuk Leo Moggie anak Irok]:

Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi harapan dan hasrat Kerajaan bahawa dengan penswastan Jabatan Telekom, kecekapan dan mutu

perkhidmatan telekomunikasi akan meningkat. Semenjak Syarikat Telekom Malaysia mengambil alih operasi perkhidmatan telekomunikasi dari Jabatan Telekom selama 11 bulan yang lalu, ia telah giat mengambil tindakan ke arah matlamat tersebut.

PENGGANAS KOMUNIS

11. **Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa banyak wang negara yang di belanjakan bagi menghapuskan pengganas komunis semenjak tahun 1980 hingga sekarang. Adakah bilangan komunis bertambah tiap-tiap tahun. Apakah rancangan Kerajaan di masa kini dan di masa akan datang supaya rakyat tidak menyertai komunis atau menjadi penyokong komunis. Adakah Kerajaan bercadang memberi pengampunan beramai-ramai supaya mereka kembali ke pangkuan masyarakat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Megat Junid bin Megat Ayob]: Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan dalam menghapuskan pengganas komunis melibatkan berbagai agensi seperti Polis Di-Raja Malaysia, Angkatan Tentera, Majlis Keselamatan Negara dan lain-lain agensi termasuk di peringkat negeri. Oleh yang demikian, sukar bagi saya untuk memberitahu jumlah wang yang telah dibelanjakan. Namun begitu, apa jua wang negara yang telah dibelanjakan adalah ke arah menjamin keamanan dan keselamatan negara.

Pada masa ini bilangan anggota pengganas komunis yang masih bergerak di kawasan pendalaman negara telah berkurangan. Dianggarkan hanya seramai 157 orang pengganas yang masih bergiat di Semenanjung dan 42 orang lagi di Sarawak,

Tuan Yang di-Pertua, dalam menentang ancaman komunis, Kerajaan telah menjalankan rancangan-rancangan pembangunan sosio ekonomi yang bertujuan untuk memperbaiki dan meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat. Kerajaan juga sering memberi penerangan mengenai dakwah-dakwah dan tindak-tanduk komunis dengan tujuan memberi kesedaran kepada orang ramai supaya tidak terpengaruh dengannya. Di samping langkah-langkah tersebut, gerakan-gerakan oleh pasukan keselamatan

juga akan diteruskan untuk menghapuskan saki-baki pengganas komunis yang masih ada.

Tuan Yang di-Pertua, jika ada hasrat dari mana-mana kumpulan pengganas komunis yang hendak meninggalkan kegiatan mereka, Kerajaan bersetuju mempertimbangkannya.

Puan Hajjah Salbiah binti Mohd. Akim: Kita telah dapat tahu beberapa banyak dalam satu-satu kawasan itu komunis, apakah tidak dapat ditangkap. Umpamanya macam di Sarawak di.kata 42 orang. Ada lagi 157 orang, jadi kita tahu sebanyak itu. Tidakkah ada usaha ke arah itu? Yang kedua, saya ingin mengambil kesempatan di sini iaitu soalan saya yang nombor 3 ini memang telah dijawab oleh Yang Berhormat Dato' pada 1hb Disember, saya pasti perkara itu, tetapi kenapa keluar lagi hari ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Soalan pertama, sungguhpun kita tahu dan agak-agak di mana mereka berada seperti di Semenanjung, kita tahu kebanyakan pengganas komunis ini bergerak di Negeri Perak Darul Ridzuan, Negeri Kelantan Darul Naim, Pahang Darul Makmur, Selangor Darul Ehsan, Negeri Sembilan dan juga di Sarawak. Tetapi ingin saya jelaskan kepada Yang Berhormat di sini bahawa negeri-negeri ini pun besar, hutannya masih tebal-tebal dan kadangkala kita tahu bahawa mereka ada di situ, tetapi bila kita masuk ke dalam, mereka sudah keluar menyamar sebagai orang biasa. Bagaimanapun saban masa Pasukan Keselamatan Negara dan juga Polis Hutan meronda di kawasan-kawasan tersebut untuk cuba seberapa daya menangkap mereka.

Tentang soalan yang kedua tadi, memang sudah menjadi kebiasaan kita supaya tidak mengecilkan hati. mana-mana Yang Berhormat, kita letakkan juga soalan itu, tetapi kita jawab bahawa soalan ini telah-pun dijawab dan tidak ada tambahan. Tetapi. kalau ada tambahan

mungkin kita tambah. Tetapi bagi soalan Yang Berhormat itu, tidak ada tambahan.

Puan Hajjah Salbiah bin Mohd. Akim: Pihak siapa yang salah?

Tuan Haji Abdul Majid bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah ada usaha-usaha dibuat bagi membawa ke pangkuan masyarakat pejuang-pejuang komunis seperti Musa Ahmad, Shamsiah Fakhir, Rashid Maidin dan lain-lain.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha yang sedemikian rupa memang kita jalankan oleh perisik-perisik kita dan juga oleh saudara mara pihak-pihak yang berkenaan. Tetapi kadangkala usaha-usaha ini bukanlah satu usaha yang senang hendak dibuat. Adalah satu perkara yang cukup sukar kerana mereka ini sudah berpuluh-puluh tahun mempunyai ideologi yang sedemikian. Untuk memujuk mereka dalam masa sebulan dua atau setahun dua, adalah mustahil.

Tuan Mustafa bin Awang: Saya minta Timbalan Menteri Dalam Negeri memberi sedikit kenyataan adakah tidak di kalangan komunis ini terdiri dari beberapa orang bekas-bekas tentera yang telah putus asa.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Sepanjang rekod yang ada tersimpan dalam Kementerian kita iaitu kalau kita banding sejak tahun 1980, pengganas komunis yang menyerah diri ialah 72 orang dan yang telah kita bebaskan, 64 orang. Tidak ada yang menunjukkan bahawa mereka adalah bekas tentera-tentera yang putus asa.

PELABUHAN BEBAS PULAU LANGKAWI

12. **Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah cukai yang dipungut dari Pelabuhan Bebas Pulau Langkawi setakat ini.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, jumlah cukai yang dipungut dari Pelabuhan Bebas Pulau Langkawi. setakat Oktober, 1987 adalah sebanyak \$1,353,087,50

Datuk Haji Nasir bin Haji Manap: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kerajaan sedar dengan mewujudkan Pulau Langkawi sebagai. Pelabuhan Bebas, banyak penyeludupan barang-barang yang telah berlaku yang membawa kerugian kepada negara. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah diambil?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan ini keluar sedikit daripada soalan pokok tetapi izinkan saya menjawab dengan secara umum. Kerajaan memang sedar ada penyeludupan beriak di persisiran air di Pantai Barat Malaysia dan Kerajaan sudah pun membuat mengadakan beberapa langkah untuk mengurangkan penyeludupan tersebut seperti mengadakan rondaan kapal di antara Pulau Pinang dengan Langkawi. dan seterusnya daripada Pulau Pinang ke Port Kelang dan seterusnya daripada Port Kelang ke Melaka dan sampai ke selatan.

Walau bagaimanapun, apa yang telah kita dapati ialah kebanyakan penyeludupan-penyeludupan ini berlaku di dalam kawasan perairan kita dan kerap kali apabila kita membuat rondaan mereka sentiasa cuba lari ke dalam kawasan perairan antarabangsa.

Puan Law Jack Yoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah hasil-hasil utama yang dicukai di pelabuhan bebas Pulau Langkawi setakat ini?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Ada lebih kurang enam perkara iaitu minyak petrol, minyak berat dan pembakar, tembakau, cerut, rokok, cukai jualan beberapa barang termasuk juga cukai tambahan dan bahan-bahan yang ditafsirkan sebagai minuman keras.

TOL LEBUHRAYA KUALA LUMPUR-KELANG

13. **Tuan Chan Choon Tak** minta Menteri. Kerja Raya menyatakan sama ada beliau akan menimbang semula rancangan untuk mengenakan tol di sepanjang Lebuhraya Petaling Jaya/Kelang memandangkan terdapatnya berbagai-bagai bantahan yang menasabah daripada penduduk-penduduk yang tidak disediakan dengan alternatif jalan yang lain. Kalau tidak, apakah sebabnya.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Osu bin Haji Sukam]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum cadangan untuk mengenakan tol di lebuhraya Kuala Lumpur-Kelang, Kerajaan telahpun mengadakan kajian yang teliti dan terperinci mengenai implikasi pengutipan tol di lebuhraya tersebut.

Sukalah saya nyatakan kepada Ahli Yang berhormat bahawa lebuhraya tersebut sekarang sedang mengalami kesesakan lalulintas dan akan menjadi lebih buruk lagi dalam masa beberapa tahun akan datang.

Untuk mengatasi masalah itu cadangan melebarkan lebuhraya dari Subang Jaya ke Kelang daripada 4 lorong ke 6 lorong akan dilaksanakan, dan persimpangan-persimpangan bertingkat juga akan dibina di tempat-tempat tertentu. Kosnya adalah dianggarkan berjumlah \$78 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pembesaran lebuhraya itu adalah termasuk di dalam cadangan pengswastaan Lebuhraya Utara-Selatan.

Apabila cadangan itu diumumkan, Kerajaan sememangnya menerima bantahan daripada berbagai pihak supaya tol tidak dikenakan. Setelah mengkaji bantahan-bantahan itu Kerajaan belum ada cadangan untuk memansuhkan rancangan yang telah dibuat.

Pungutan tol adalah wajar dikenakan kerana perbelanjaan raeningkatkan lebuhraya itu akan menelan belanja yang besar. Walau bagaimanapun sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, bahawa kadar tol yang akan dikenakan tidak akan membebankan pengguna-pengguna lebuhraya, jika dibandingkan dengan mutu perkhidmatan yang baik yang akan diterima oleh pengguna-pengguna seperti keselesaan, penjimatan masa dan penjimatan petrol.

"OCCUPATION CERTIFICATE" KEPADA PEMAJU PERUMAHAN

14. **Tuan Shaik Dawood bin Abu Bakar** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat penjelasan mengenai terdapatnya Majlis Kerajaan Tempatan mengeluarkan "Occupation Certificate " (OC) kepada pemaju-pemaju perumahan walaupun rumah yang didirikan itu tidak mengikut syarat-syarat pembinaan dan akibatnya pembeli-pembeli terpaksa menanggung kerugian kerana keretakan dan sebagainya, memandang pembeli hanya membeli rumah berdasarkan pelan yang diluluskan, pada hal Majlis Kerajaan Tempatan yang bertanggungjawab memastikan rumah didirikan mengikut Undang-undang Bangunan sebelum OC dikeluarkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Haji Hussein bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas makluman untuk pengetahuan saya. Namun demikian, setakat ini bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak pernah menerima sebarang aduan daripada pihak pembeli berhubung dengan masalah ini. Sungguhpun begitu mungkin akan timbul di dalam masalah pembinaan seperti kesan-kesan bangunan retak atau longkang pecah. Mungkin ini berpunca daripada kurang penelitian ataupun kurang kemahiran bagi pihak pemaju-pemaju melaksanakannya.

Masalah-masalah yang seperti ini yang telah diadukan oleh pihak pembeli, bagi pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telahpun mengambil tindakan sehingga memuaskan hati kedua-dua belah pihak di antara pemaju dan pembeli.

Menyentuh di dalam masalah kekuasaan penguasa-penguasa tempatan mengeluarkan "Sijil Taraf Duduk" dalam sesuatu projek bagi pihak penguasa-penguasa tempatan berpandukan kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang dikuatkuasakan pada 1.1.1986.

Tuan Lau Keng Siong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan adakah beliau sedar berkenaan dengan rumah persendirian. Apabila sebuah rumah telah siap mengikut undang-undang sampai beberapa bulan "CFO" belum dikeluarkan. Jika sedar, apa

tindakan-tindakan telah diambil dan apa langkah-langkahnya. Jika tidak sedar, apa tindakan atau langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Hussein bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya maklumkan pihak penguasa-penguasa tempatan akan mengeluarkan "Sijil Taraf Duduk" ini andainya pelaksanaan itu benar-benar sempurna berpandukan kepada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 yang dikuatkuasakan pada 1.1.1986.

Timbalan Yaog di-Pertua: Yang Berhormat Puan Valli Muthusamy.

Tuan Shaik Dawood bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 15.

PENDUDUK TETAP MENDAPATKAN KEWARGANEGARAAN

15. **Tuan Shaik Dawood bin Abu Bakar [di bawah S. O. 23(2)]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah penduduk tetap dalam negeri. Adakah apa-apa langkah diambil untuk memberi mereka kewarganegaraan di masa akan datang.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob : Tuan Yang di-Pertua, jumlah penduduk tetap di negara ini sekarang ialah seramai 331,547 orang.

Seseorang yang ingin menjadi warganegara perlulah terlebih dahulu membuat permohonan dan pertimbangan hanya diberi kepada mereka yang layak mengikut kehendak-kehendak Perlembagaan.

Puan Mazidah binti Haji Zakaria: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah gamaknya syarat-syarat untuk seseorang itu memohon untuk menjadi penduduk tetap di Malaysia ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, syarat yang pertama, ialah telahpun tinggal di negara ini selama tidak kurang daripada dua tahun.

PEJABAT POS MINI

16. **Tuan Abdul Manap bin Hashim** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) apakah yang menjadi pertimbangan untuk mengujudkan sesebuah Pejabat Pos Mini; dan
- (b) tidakkah fakta ramai penduduk menjadi satu daripada pertimbangan utama dalam mengujudkan sesebuah Pejabat Pos Mini di sesebuah tempat atau kawasan, walaupun tempat-tempat berkenaan berhampiran dengan Pejabat Pos biasa.

Datuk Leo Moggie anak Irok : Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ada beberapa kriteria yang digunakan bagi mempertimbangkan kesesuaian mengujudkan sesebuah Pejabat Pos Mini. Di antaranya ialah:-

- (1) Jumlah penduduk yang akan mendapat perkhidmatan itu melebihi 3,000 orang;
- (2) Jauhnya dari Pejabat Pos atau Pejabat Pos Mini atau Wakil Pos yang berhampiran sekali;
- (3) Belum ada rancangan untuk membina Pejabat Pos tetap di kawasan itu.

Walau bagaimanapun, kriteria-kriteria tersebut boleh dilonggarkan bagi kawasan-kawasan perumahan seperti di pinggir bandar di mana kepadatan penduduknya agak tinggi, rancangan-rancangan kemajuan tanah dan rancangan-rancangan pembangunan wilayah.

Suka saya mengambil kesempatan untuk memaklumkan bahawa semenjak diperkenalkan pada 1.7.1985 sejumlah 44 buah Pejabat Pos Mini telah pun ditubuhkan setakat ini.

Adalah menjadi dasar Kementerian untuk memperluaskan lagi rangkaian Pejabat Pos Mini di seluruh negara. Dasar ini adalah

difikirkan sesuai memandangkan penubuhan Pejabat Pos Mini adalah lebih ekonomik dan cepat jika dibandingkan dengan penubuhan sebuah Pejabat Pos tetap. Ianya juga bertujuan untuk melibatkan pihak swasta selaras dengan polisi penswastaaan Kerajaan.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa di Ibu Pejabat Imigeresen di Kuala Lumpur di mana orangramai apabila pegawai-pegawai Imigeresen suruh mereka membeli setem, orangramai terpaksa berjalan kaki agak jauh untuk membeli setem. Adakah cadangan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya menubuhkan satu Wakil Pos di Ibu Pejabat Imigeresen Kuala Lumpur?

Datuk Leo Moggie anak Irok: Pada fahaman saya sekarang, saya tidak ada maklumat untuk menetapkan cadangan ini telah ditujukan atau telah difikirkan. Walau bagaimanapun, kita akan membuat kajian tertentu.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, dari dahulu saya sendiri menghadapi masalah **ini**. Apabila Pegawai Imigeresen menyuruh saya membeli \$50 setem saya terpaksa keluar dan daripada tinjauan saya, orang ramai di situ pun mengadu bahawa mereka menghadapi beberapa kesulitan membeli setem itu. Sebagaimana satu Kerajaan, sentiasa kita menerima aduan-aduan daripada orang ramai dan kita ingin berkhidmat kepada orang ramai. Itu satu seruan. Harap Yang Berhormat Menteri berkenaan supaya pegawai-pegawai boleh mengkaji, apabila dia pergi di sebelah pagi boleh nampak keadaan **itu**.

Datuk Leo Moggie anak Irok: Tuan Yang di-Pertua, saya suka lah memberi terima kasih di atas pandangan Yang Berhormat itu dan kita akan memberi perhatian yang tertentu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Norani binti Haji Beluah.

Puan Norani binti Haji Beluah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum soalan saya dijawab, saya ingin membuat pembedaan iaitu "lurus" bukan "lulus". Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang ke 17.

JALAN RAYA PEKAN KARAK - SIMPANG PELANGI

17. **Puan Norani binti Haji Beluah** minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah pihak Kementeriannya bercadang untuk memperbaiki, memperbesar dan meluruskan jalan raya Persekutuan antara pekan Karak hingga ke Simpang Pelangi memandangkan:

- (a) jalan raya ini begitu sempit;
- (b) dua selekoh begitu merbahaya yang perlu diluruskan/perbaiki; dan
- (c) jambatan yang hanya boleh dilalui oleh sebuah kenderaan dan mengeluarkan bunyi yang bising.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerja Raya memang mempunyai rancangan untuk memperelokkan jalanraya Pekan Karak ke Simpang Pelangi iaitu dari Batu 110.20 di Pahang hingga ke Batu 137.56 di sempadan Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun buat masa ini, berpandukan kepada keadaan kewangan negara yang ada sekarang, rancangan tersebut belum dapat dilaksanakan lagi.

KESALAHAN ANGGOTA JABATAN KEHAKIMAN

18. **Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Kehakiman menyatakan sejak merdeka, berapa ramai anggota Jabatan Kehakiman dari serendah-rendahnya hingga setingginya yang didapati bersalah melakukan kesalahan dan dijatuhkan hukuman.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Oo Gin Sun:] Tuan Yang di-Pertua, menurut rekod yang ada, semenjak merdeka hingga sekarang tidak ada seorang pun pegawai dalam Kumpulan A dan B di Jabatan Kehakiman yang didapati bersalah melakukan kesalahan dan dijatuhkan hukuman. Bagi Kumpulan C, ada terdapat 18 orang pegawai yang didapati hanya bersalah di bawah Perintah Am Bab D dan dijatuhkan hukuman oleh Lembaga Tatatertib yang berkenaan. Bagi Kumpulan D pula, terdapat seramai 37 orang pegawai yang didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman. Seorang telah dihadapkan ke mahkamah dan didapati bersalah serta dijatuhkan hukuman manakala 36 orang lagi

didapati bersalah di bawah Perintah Am Bab D dan dijatuhkan hukuman oleh Lembaga Tatatertib yang berkenaan.

Tuan Azumu bin Tak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah wujud Jawatankuasa Disiplin di peringkat Magistret dan Hakim-hakim?

Dato Oo Gin Sun: Ada, Tuan Yang di-Pertua,

PENDAPATAN PETANI LUAR BANDAR

19. **Tuan Haji Jaafar bin Harun** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dan bagaimanakah caranya Jabatan-jabatan itu menjalankan peranannya untuk mempertingkatkan pendapatan petani-petani luar bandar. Setakat manakah kemajuan yang telah dicapai oleh tiap-tiap agensi. itu pada masa ini. Bagaimanakah pula perancangannya pada tahun-tahun akan datang.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, matlamat Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ialah untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar dan mempertingkatkan pendapatan penduduk-penduduk luar bandar yang mana kebanyakannya adalah petani-petani. Usaha-usaha ini dilaksanakan oleh Kementerian melalui Bahagian Perusahaan Kecil dan Bahagian KEMAS serta agensi-agensi di bawahnya seperti MARA, FELCRA, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan Bank Rakyat.

Adalah menjadi matlamat Kementerian ini untuk menjadikan aktiviti pertanian sebagai aktiviti yang menguntungkan. Salah satu program ke arah ini yang dilaksanakan ialah program pembangunan kampung dan luar bandar mengikut ala cara baru di mana kebun-kebun kecil disatukan dan dijadikan ladang yang besar untuk diusahakan secara berkelompok, ekonomik dan teratur serta diuruskan secara komersial. Di samping itu FELCRA telah melaksanakan program pemulihan dan penyatuan tanah-tanah terbiar di luar bandar. Melalui program ini, tanah-tanah terbiar dan berpotensi telah dijadikan sebagai kawaaan ladang dan ditanam dengan tanaman jangka pendek

yang berdaya maju. Sehingga kini FELCRA telah dapat memajukan tanah-tanah terbiar seluas kira-kira 186,000 hektar kira-kira setengah juta ekar. Jumlah peserta yang terlibat ialah 59,000 orang.

Program memulih dan memajukan tanah ini akan diteruskan. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada peruntukan yang akan diluluskan. Adalah dijangkakan seluas kira-kira 30,000 hektar lagi akan dapat diusahakan pada tahun 1988. Menerusi program bagi mewujudkan dan menggalakkan pembangunan perusahaan kecil di luar bandar pula. Bahagian Perusahaan Kecil Kementerian telah menyediakan bantuan mesin, sementara MARA pula memberikan bantuan pinjaman kewangan, kemudahan tapak kilang, bimbingan usahawan dan latihan teknikal serta juga melalui Pusat Giat MARA dan perkhidmatan pengangkutan luar bandar. Syarikat Pembangunan dan Pasaran Industri Kampung mengadakan projek-projek industri kampung dan memasarkan barang-barang keluaran industri tersebut sementara Syarikat Karianeka Sdn. Bhd. memasarkan barang-barang keluaran Kraftangan.

Dalam hubungan ini Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia pula diberi tugas menjalankan penyelidikan dan pembangunan serta promosi kraftangan dan latihan bagi usahawan kraftangan. Sejak tahun 1986 melalui program galakan pengeluaran PKKMM telah menjalankan berbagai-bagai aktiviti bimbingan di kampung-kampung termasuklah meorientasikan pengeluaran di mana tenaga para pengusaha digembelangkan untuk mengeluarkan barang-barang kraf dengan banyak dan sistematik.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Timbalan Menteri berkenaan menjawab satu perkara. FELCRA memang diberi tanggungjawab membaik pulih tanah-tanah terbiar. Tetapi akhir-akhir

ini FELCRA telah mengambil kira minta tanah Kerajaan-kerajaan Negeri yang tanah masih dara lagi untuk ditanam dengan pokok getah dan kelapa sawit. Apakah ini tidak bercanggah dengan konsep FELCRA yang asal itu?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya FELCRA telah ditugaskan untuk membaik pulih tanah-tanah yang dipunyai oleh penduduk-penduduk luar bandar sebagaimana kata Yang Berhormat tadi. Bagaimanapun, kadang kala untuk menyatukan tanah-tanah yang berkenaan, kita dapati setengah-setengah daripada pemilik-pemilik tanah cuma mempunyai antara dua hingga tiga ekar dan sudah tentulah tanah-tanah ini tidak ekonomik untuk dimajukan oleh FELCRA. Oleh itu bagi memajukan tanah ini dengan cara yang lebih ekonomik, maka FELCRA telah memohon daripada Kerajaan Negeri, tanah-tanah yang berhampiran dengan tanah kepunyaan milik penduduk-penduduk luar bandar dan tanah-tanah ini sekaligus dimajukan bersama-sama dengan tanah yang dimiliki oleh penduduk luar bandar.

Saya rasa apa yang telah dilaksanakan oleh FELCRA sebenarnya, dengan izin, complement di antara tanah Kerajaan dan tanah punya milik penduduk-penduduk luar bandar.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, yang saya menjadi hairan ialah tanah yang dibaik pulih ini tempat lain dan tanah Kerajaan ini di tempat lain. Tetapi kalau tanah yang dibaik pulih ini bersambung dengan tanah Kerajaan, saya tidak hairan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, memang benar pada satu masa dahulu FELCRA ada melaksanakan pembangunan tanah-tanah sebagaimana yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat. Tetapi Yang Amat Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar telahpun mengarahkan supaya perkara ini diberhentikan dan kita hanya menumpukan perhatian kepada tanah-tanah hakmilik penduduk luar bandar sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim.

Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 20.

PEJABAT KEDUTAAN/KEDIAMAN RASMI DUTA-DUTA

20. **Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar (di bawah S.O.23(2)]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan yang diperuntukkan oleh Kerajaan bagi menempatkan pejabat-pejabat Kedutaan dan kediaman rasmi Duta-duta Besar kita di luar negeri. Adakah Kerajaan bercadang mendirikan bangunan-bangunan pejabat dan kediaman sendiri terutama di negara-negara di mana Malaysia mempunyai perhubungan yang erat seperti di negara-negara ASEAN, bertujuan untuk menjimatkan perbelanjaan Kerajaan untuk jangkamasa panjang di samping melambangkan kebudayaan dan imej Malaysia.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini Kementerian Luar Negeri memang membuat perbelanjaan yang tinggi untuk menyewa pejabat-pejabat kedutaan dan kediaman-kediaman rasmi Duta-duta Besar kita di luar negeri. Dalam tahun 1986, Kementerian telah membelanjakan sebanyak \$12,877,910.00 sementara bagi tahun 1987, setakat ini sebanyak \$12,358,018.00 telah dibelanjakan untuk tujuan penyewaan pejabat-pejabat dan kediaman rasmi Duta-duta Besar.

Memanglah menjadi hasrat Kementerian untuk mendirikan bangunan-bangunan pejabat dan kediaman rasmi sendiri terutamanya di negara-negara di mana kita mempunyai hubungan yang erat. Ini ialah kerana selain daripada, menjaga imej negara dengan mempunyai bangunan serta kediaman sendiri yang melambangkan keperibadian negara kita sendiri, ianya juga akan dapat menjimatkan perbelanjaan Kementerian dalam jangkamasa yang panjang. Walau bagaimanapun, disebabkan keadaan ekonomi negara sekarang hasrat Kementerian ini terpaksa di-tangguhkan buat sementara waktu.

PEKERJAAN BAGI PENAGIH DADAH

21. **Puan Norani binti Haji Beluah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bolehkah pihak Kerajaan mengusahakan agar penagih-penagih dadah yang dibuang daerah mendapat jaminan untuk mendapatkan pekerjaan sama ada di agensi Kerajaan, swasta dan lain-lain badan berkanun ataupun syarikat dan kilang-kilang.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mengenakan perintah sekatan (atau tindakan buang daerah sebagaimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkenaan) kepada mereka yang terlibat dalam penagihan dadah. Penagih-penagih sebaliknya dihantar ke Pnsat-pusat Pemulihan Dadah bagi menjalankan program rawatan dan pemulihan tertentu selama dua tahun. Setelah tamat tempoh dua tahun itu, mereka akan diletakkan di bawah program jagaan lanjutan selama dua tahun lagi di mana mereka akan keluar dari Pusat Pemulihan dan diawasi oleh Pegawai Pemulihan Dadah.

Dengan demikian bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat berkenaan mengenai usaha-usaha Kerajaan untuk membantu penagih-penagih yang dibuang daerah tidak berkaitan.

JALANRAYA SEREMBAN/TELUK KEMANG - MENAIKKAN TARAF

22. **Tuan Chan Choong Tak** minta Menteri Kerjaraya menyatakan iaitu memandangkan kepentingan Port Dickson sebagai suatu pusat pelancongan di Malaysia Barat, adakah beliau bercadang membuka semula rancangan pembinaan jalan dua hala kembar di antara Seremban dan Teluk Kemang. Kalau ya, bilakah beliau akan melaksanakan skim ini dan kalau tidak, sila berikan sebab-sebab dan rancangan-rancangan lain yang akan dijalankan untuk memperbaiki jalan-jalan masakini yang sempit lagi tidak sesuai.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya sedar tentang keadaan di jalanraya Seremban/Teluk Kemang serta kepentingan bandar Port Dickson sebagai pusat pelancongan.

Buat masa ini Kementerian Kerjaraya belum lagi bercadang untuk menaikkan taraf jalanraya tersebut. Walau bagaimanapun, jalanraya yang sedia ada akan terus diselenggarakan dalam keadaan yang baik untuk kemudahan dan keselisaan pengguna-pengguna jalanraya di kawasan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Pertanyaan-pertanyaan Jawab Mulut telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.23 hingga 25 adalah]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1988****Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1988 dibacakan kali yang kedua sekarang." [3hb Disember, 1987]

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom untuk menyambungkan ucapan beliau pada hari kelmarin.

4.03 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang di-Pertua, dalam menyambung ucapan perbahasan saya mengenai Belanjawan 1988, saya masuk kepada **B.26** iaitu baru-baru ini di dalam bulan Oktober apabila kumpulan pertama seramai 153 orang - kalau tak silap saya, siswazah-siswazah daripada Universiti Islam Antarabangsa (UIA) telah menerima ijazah masing-masing. Ini membuktikan kepada kita bahawa lagi satu sejarah bagi negara kita di dalam usaha untuk menerapkan nilai-nilai Islam di dalam bidang kehidupan telah dilaksanakan oleh pentadbiran pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Siapa pun sepatutnya merasa bangga kerana UIA yang memulakan pengambilan pelajar dalam bulan Julai 1983 telah memperlihatkan kemampuannya untuk melahirkan satu kumpulan pelajar yang terdidik menurut sistem Islam, walaupun pada peringkat awal ini di dalam bidang-bidang ilmu yang terbatas.

Kumpulan siswazah yang menerima ijazah pada bulan Oktober, 1987 ini hanya terdiri daripada lulusan undang-undang dan ekonomi serta diploma undang-undang dan pentadbiran. Kita mengharapkan di masa yang akan datang UIA akan meluaskan lagi bidang pengajiannya ke

dalam bidang-bidang pentadbiran perniagaan, merancang untuk meluaskan di dalam bidang-bidang kejuruteraan, senibina, seni gunaan, pendidikan dan perubatan.

Di dalam kata-kata yang lain, Tuan Yang di-Pertua, apabila UIA menjadi sebuah institusi pengajian tinggi yang lengkap nanti dengan kampusnya yang indah di sebuah kawasan yang luas di Pahang Darul Makmur, ia juga akan dapat menawarkan berbagai-bagai kursus yang lain sepertimana di pusat-pusat pengajian tinggi yang lain. Hanya satu cara ialah konsep pendidikan UIA sekarang ini diasaskan kepada Islam. Maka falsafah yang menjadi anutannya ini ialah untuk menyebarkan pengetahuan berdasarkan semangat tauhid yang menyatukan unsur-unsur fizikal dan spiritual ilmu.

Di dalam kata-kata lain, di UIA berbagai bidang ilmu yang diperlukan oleh ummah untuk berjaya di dunia dan juga di akhirat akan diajar menurut sistem yang telah dikhususkan. Hanya sekarang ini masyarakat menanti dan masyarakat negara ingin menyaksikan apakah matlamat UIA yang telah memberikan pendidikan kepada siswazah-siswazah nanti berjaya untuk menempuh hidup, untuk menjadi pemimpin di dalam negara, untuk menjadi pegawai-pegawai pentadbir dan kita harapkan lulusan-lulusan UIA ini akan memperlihatkan satu kelainan dari mereka yang keluar daripada pusat-pusat pengajian tinggi yang bukan UIA. Jika sekiranya ini berjaya maka berjayalah matlamat UIA ditubuhkan. Jika tidak maka berertt UIA tidak dapat mencapai kepada satu tahap yang ditunggu-tunggu iaitu untuk melahirkan seberapa banyak cerdik-pandai yang berdasarkan kepada penghayatan Islam sepenuhnya. **Ini**, Tuan Yang di-Pertua, tidak bererti saya merendahkan siswazah-siswazah daripada pusat pengajian tinggi yang lain tidak Islam. Ini jangan disalahmakan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam **B.26** ini juga, saya ingin menyentuh satu perkara, iaitu baru-baru ini Menteri Pendidikan kita, Yang Berhormat saudara Anwar Ibrahim menyatakan bahawa negara memerlukan berpuluh-puluh juta ringgit untuk menyelesaikan masalah bilik-bilik darjah di seluruh negara.

Sekarang ini apa yang kita lihat ialah selain daripada bangunan-bangunan yang cantik dan mahal yang terpaksa dijalankan dan dibangunkan bilik-bilik darjah itu dengan secara yang meneruskan warisan binaan yang kukuh, kuat dan sebagainya sehingga kadang-kadang menyebabkan satu-satu tambahan bilik darjah tadi pemborong yang asalnya gagal, tidak dapat meneruskan pembinaannya dan terpaksa diadakan tender semula yang menyebabkan bilik darjah itu tidak dapat digunakan pada tahun-tahun yang tertentu.

Dalam hal ini saya ingin memberikan satu syor kepada Kementerian atau kepada Kerajaan, apa salahnya jika sekiranya kelas-kelas terapung, yakni yang tidak punya bilik darjah ini dibinakan satu cara sistem bilik darjah secara baru iaitu bilik darjah yang boleh dipindahkan ke tempat lain kerana saya pernah menyebut di dalam Dewan ini ada beberapa bangunan sekolah kebangsaan yang akhirnya kosong apabila penduduk di kampung itu pindah ke tempat lain menyertai skim-skim Kerajaan seperti skim pembukaan tanah.

Saya sebutkan di Batu Pahat. sahaja ada beberapa buah sekolah yang sekarang kosong tidak digunakan sebagai bilik darjah. Jadikan tempat pengakap, bilik PIBG, tempat setor simpanan, sedangkan bangunan ini rumah batu dua tingkat. Jadi, ini timbullah sekarang ini perkataan membazir itu nampak tetapi pada masa kita merancang dahulu kampung itu padat dengan manusia, banyak anak-anak, tetapi

mengikuti ibubapa pindah ke FELDA, menjadi kosong. Jadi, sekarang ini kalau boleh dibinakan bilik-bilik darjah. Kalau di kampung A itu esok kelas itu kosong, bilik itu boleh dipindahkan ke sekolah lain secara mudah macam khemah sarkas - jangan pula nanti diskop oleh TV, oleh pemberita-pemberita, Haji Shaharom mencadangkan bilik-bilik darjah ala-sarkas, cuma macam itu. Maknanya boleh dipindahkan ke sekolah lain, ke tehadap lain. Ini dengan alat-alat bangunan sekarang yang ringan tetapi kukuh, ada benda-benda itu sepatutnya boleh kita buat untuk menjimatkan perbelanjaan. Yang kedua, tidak membazirkan bahan-bahan yang ada.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya teringat teguran Ketua Audit Negara kita baru-baru ini mengenai dengan penggunaan wang negara dan sebagainya. Selain daripada penggunaan wang negara di dalam masalah pembinaan-pembinaan yang cantik-cantik, kalau kita buka Laporan Ketua Audit Negara, setiap agensi Kerajaan, Ketua Audit Negara masih menegur Kerajaan kita membuang duit dalam tiap-tiap perasmian, majlis-majlis pembukaan satu-satu projek yang sepatutnya tidak perlu diadakan perbelanjaan yang banyak. Jadi, dalam masa kita bercakap kemelesetan ekonomi, kemelesetan wang negara perkara-perkara yang seperti itu masih berlaku.

Saya timbulkan ini, kerana semalam saya telah sebutkan mengapa pelancaran gerakan Cintailah Bahasa kita ini mesti dibuat di sebuah hotel terbesar di Kuala Lumpur. Pada saya tentulah sewanya mahal kerana sayapun dapat jemputan ini. Jadi, ada baiknya kalau misalnya pelancaran ini dengan sewa itu kita tidak adakan. Kita adakan sahaja di Bangunan Parlimen ini secara rasmi kerana Cintailah Bahasa Malaysia ini, bahasa negara kita ini untuk menanamkan semangat cinta kepada bahasa, jangan setakat pada perasmian-perasmiannya, pada komping-kompingnya, pada bunga manggar, pada nyanyi beramai-ramai, lepas itu hilang macam menirus air di daun keladi. Jadi ini, kita perlu memikirkannya.

Dalam B.7, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap sedikit mengenai dengan apa yang berlaku baru-baru ini iaitu perbuatan jahat yang dilakukan oleh segelintir atau sekelompok manusia, perbuatan jahat membakar lima buah masjid di negeri Pahang Darulmakmur. Sehingga hari ini kenyataan belum dapat dikeluarkan siapakah mereka ini yang melakukan perbuatan durjana itu. Manusia bersikap apakah

yang sanggup membakar rumah Allah di muka bumi ini. Ini adalah satu perbuatan yang amat sensitif. Jadi, Kerajaan memang berhati-hati. Kementerian Dalam Negeri apabila dihubungi sentiasa menjawab: kami berhati-hati, kami perhati-hati supaya natijah daripada pembakaran lima buah masjid ini tidak akan menimbulkan perasaan curiga, marah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal sehubungan dengan pembakaran masjid dengan masjid-masjid di dalam negara kita, maka kita terbaca dan saya dengar satu pengumuman yang dibuat oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Yang Berhormat Dato' Dr, Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor bahawa peranan Masjid Negara akan diperluaskan, peranan Masjid Negara yang ada di Kuala Lumpur.

Saya minta kepada Kerajaan Pusat dan meminta pula kepada Kerajaan-kerajaan Negeri supaya fungsi masjid di seluruh negara kita yang tidak kurang hampir 10,000 buah ini benar-benar dijalankan, benar-benar diketengahkan kepada masyarakat Islam.

Sekarang ini masjid hanya diisi pada waktu-waktu sembahyang tertentu, Maghrib dengan Isyak adalah jemaah, Zuhur, Asar dan Subuh setakat mana yang ada, mereka yang ingin takarok kepada Allah taala, selepas daripada itu masjid dijadikan tempat perayaan, mengadakan sambutan Mauludul Rasul, Israk Mikraj, solat Tarawih dan sebagainya, lepas itu kunci, sehingga apabila ada musafir yang ingin singgah untuk menunaikan solat, masjid berkunci. Jadi, nampaknya sekarang ini kita tidak dapat menanamkan satu perasaan tanggungjawab. Benar, saya akui, ini bukan tanggungjawab Kerajaan sahaja, ini bukan tanggungjawab Jabatan Agama sahaja, ini bukan tanggungjawab Majlis Agama sahaja, ini bukan tanggungjawab alim-ulama sahaja. Saya sedar, tetapi rakyat ini mahu digerakkan. Kalau rakyat aau masa

tidak digerakkan, dia tidak bergerak. Sebab itu rakyat memerlukan kepada pimpinan, rakyat memerlukan kepada pemimpin,

Di zaman kebangkitan pemimpin menentukan rakyat, bukan rakyat menentukan pemimpin. Zaman pembangunan ini pemimpin membawa rakyat, ke mana kita mahu pergi. Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini apabila timbul kegentingan tangkapan ISA dan berbagai-bagai hal yang berlaku, terutama sekali selepas 24 April perhimpunan agung, ke mana kita pergi orang akan bertanya, ke mana Dr. Mahathir akan membawa negara? Ke mana Dr. Mahathir akan membawa Malaysia? Ke mana Dr. Mahathir akan membawa rakyat, orang bertanya.

Kita memberi jawapan bahawa Dr. Mahathir sekarang ini bukan lagi pemimpin yang dicitak oleh rakyat tetapi Mahathir yang akan mencitak rakyat. Ini skopnya.

Di dalam zaman kebangkitan ini pemimpin yang menentukan. Kalau ini dibuat, insya Allah, berjaya. Kalau ini ditinggalkan, insya Allah, kita akan menang. Kalau ini kita ketepikan, insya Allah, kita akan sampai kepada matlamat. Di zaman baru-baru kita merdeka, pemimpin terpaksa kena ikut cakap rakyat kerana pada masa itu pemimpin yang dikehendaki oleh rakyat itulah yang akan naik dijumlah tinggi, jadi apa cakap rakyat terpaksa dengar, dengar dan ikut. Kalau tidak ikut, dia akan jatuh.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini saya katakan bahawa rakyat perlu kepada pimpinan, pimpinan sebagaimana pimpinan yang berani. Kalau misalannya Menteri di Jabatan Perdana Menteri bercakap diminta semua Jawatankuasa Masjid seluruh negara jangan kunci masjid, insya Allah semua masjid nanti akan buka pintu siapa-siapa boleh singgah bersolat. Dan kita tidak melarang kalau ada orang-orang yang mahu tidur di masjid, sebab kalau orang yang beriman dia tidak akan tidur sahaja di masjid, dia akan iktikat, dia akan solatulail, dia akan

solat tahajud dan sebagainya. Ini adalah kebagusan untuk kebangkitan rohani umat. Tetapi apabila adanya keadaan yang seperti itu maka berlakulah kelompok-kelompok yang menentang, kelompok-kelompok yang terpaksa mefarakkan, memufarakahkan solatnya dengan imam yang dilantik oleh Kerajaan. Ini soalnya.

Golongan yang kecil ini kerana mereka tidak dapat menyelesaikan masalah runtunan jiwanya, mereka mengambil sikap Islam membolehkan mufarakah, maka berlakulah mufarakah maka berlakulah dua imam, berlaku membenci imam, berlaku memboikot imam, itu lain daripada ketegangan politik disetengah-tengah tenipat di dalam negara kita berlaku dua imam, dua Jumaat. Ini mufarakah yang tidak ada kena-mengena dengan politik, semata-mata kerana hukuman mereka berpegang kepada itu. Jadi, pimpinan seperti inilah yang harus kita tonjolkan ke dalam masyarakat melalui ajaran Islam ini untuk memperlihatkan bahawa sebenarnya; al-Islamu ya'lu wa-laa-yu'la alaihi. Jadi, kalau tidak, kita akan lihat nanti Islam ini hanya sebagai anutan agama begitu sahaja.

Dalam masalah perkembangan ini kita dapat lihat bagaimana malunya masyarakat Islam apabila duduk berserumah-tangga dengan saudara-saudara baru. Suami Islam, isteri saudara baru. Suami yang Islam tadi tidak menunaikan perintah Islam, tidak ada ertinya menikahi seorang saudara baru. Begitu juga sebaliknya. Jadi, di sini penegehan ini, saya sampaikan, kerana memperlihatkan kita mahu memandang kepada satu masyarakat yang bahagia yang diredhai oleh Allah s.w.t. Kita dianugerahi sebuah negara yang begini makmur, yang begini cantik, jadi kalau kita abaikan rumah-rumah Allah di muka bumi ini malapetaka akan turun kepada kita.

Lihatlah kepada beberapa tempat dan sejarah telah membuktikan kepada kaum 'Ad, kaum Samud, kaum Lut dan sebagainya. Jika kita tidak insafi keadaan ini maka untuk mencapai dan untuk mengelakkan kepada keruntuhan akhlak, gejala-gejala keruntuhan akhlak dalam masyarakat kita tidak akan dapat kita ketepikan.

Tuan Yang di-Pertua, masalah penyelesaian yang perlu kita sampaikan kepada masyarakat ialah didikan. Didikan Islam sekarang ini kita tahu merata-rata kampung, daerah, negeri ada sekolah agama, ada sekolah Arab, ada sekolah menengah agama, ada sekolah yang dibantu oleh Kementerian Pendidikan sepenuhnya dan sebagainya dan kita banyak pemimpin-pemimpin, ulama-ulama kita yang keluar daripada pusat pengajian dalam negeri dan di luar negeri. Masalahnya mengapa sekarang ini apabila sampai kepada bumi nyata ke dataran yang di bawah, keadaan ini tidak mencerminkan keadaan akhlak Islam yang sebenarnya.

Saya katakan ini kalau tidak Kerajaan tidak menganjurkan Ma'al Hijrah. Tujuan menganjurkan Ma'al Hijrah supaya kita umat Islam, supaya para pemimpin, rakyat biasa dapat berhijrahkan dirinya, memindah diri daripada yang kurang baik kepada yang baik, yang sudah baik kepada yang lebih baik. Ini untuk mengajar umat kepada berjuang mengejar kebagusan: Firman Allah - "fas tabiqul khairat", berlumba-lumba mengejar kebagusan. Ini Kerajaan sedar. Saya percaya Kerajaan sedar, kalau Kerajaan tidak sedar tidak dilancarkan Ma'al Hijrah, tetapi bagaimana hendak mencapai, hendak menyampaikan, hendak mentorbakan perkara itu, falsafah Ma'al Hijrah Maulidur-Rasul itu kepada umat yang di bawah. Tuan Yang di-Pertua, inilah. Lain tempat tidak ada.

Saya hendak katakan balairaya. Sekarang kita tengok dalam negara kita berapa banyak balairaya yang sudah kopak dindinya, yang sudah terbang atapnya. Kita boleh tengok. Kita kena akui hakikat ini. Balairaya dibina zaman Allahyarham Tun Abdul Razak untuk tempat rakyat bermesyuarat, untuk tempat rakyat berbincang, ke mana pergi balairaya, ke mana pergi papan merah, ke mana pergi papan hijau, ke mana pergi Buku Merah I, sekarang timbul Buku Merah II. Ini menunjukkan bahawa penyakit-penyakit di dalam masyarakat kita masih ada.

Kalau satu masa dahulu pernah bapa-bapa Menteri kita mewujudkan satu Lembaga, mewujudkan satu Badan untuk mencipta satu buku yang dikatakan "Revolusi Mental", untuk merevolusikan mental rakyat tetapi hanyut dtbawa arus masa begitu sahaja. Kita tahu sekarang ini balairaya sudah tidak ada fungsi. Setengah-setengah tempat balairaya tempat anak-anak muda main terup, main dam, setengah tempat menjadi tempat kambing berlindung.

Satu negeri saya lalu di antara satu kampung ke satu kampung langsung tak ada atapdan tak ada dinding lagi. Sekarang Jawatan-kuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK) ada pegawai pembimbing daripada pegawai Kerajaan Skim A yang duduk membimbing JKKK. Apa yang berlaku dalam JKKK sekarang ini? Konfrantasi sama sendiri, berbalah sama sendiri, perebutan untuk mendapatkan habuan apabila menjadi JKKK. Jadi kita hendak melahirkan satu masyarakat yang dinamia, yang progresif, yang berdikari, yang itu, yang ini tetapi penyakit yang menular di dalam itu tidak dapat ubati kerana selagi manusia hanya berpegangkan kepada lahiriah semata-mata, orang sekarang kata kebendaan semata-mata sedangkan pimpinan roh jiwanya kosong, maka inilah yang berlaku.

Saya bercakap mengenai dengan peranan masjid. Peranan masjid sebagai satu institusi di dalam masyarakat perlu digembeling untuk diperhebatkan. Kita bercakap supaya masjid-masjid ada khutubkhanah, berapa masjid yang ada khutubkhanah dalam negara kita ini. Apa kitab yang diisi. Apabila tidak ada kitab yang diisikan di situ maka kalau ada pun almari-almari hanya tempat mengisi surat Yaasiin dan kitab suci al-Quran semata-mata, kalau tak ada nanti kopiah-kopiah putih dengan sejadah yang sudah berlubang-lubang diisi di dalam almari yang dikatakan khutubkhanah. Buku-buku agama yang ada dalam negara kita, kita lihat: sekarang ini banyak datang daripada luar, dari Indonesia terutama sekali. Kita boleh tengok kedai-kedai buku, kedai-kedai kitab kebanyakan buku-buku agama itu diimport dari Indonesia dan apabila orang membaca buku-buku itu maka ada di antaranya isi buku itu yang berlawanan dengan pengajian kita dalam Mazhab Al-Shafie maka berlakulah pertarungan di dalam kampung, ini kaum muda, ini kaum tua. Ini sudah mula menular di dalam masyarakat.

Saya pernah bangkitkan di dalam Dewan ini berlaku di sebuah kampung, di Kampung Indah, di Kuala Langat, kitab yang dibawa dari Indonesia sudah menjadikan tegang di dalam kampung sehingga berlaku pembakaran kereta dan sebagainya. Rakyat kampung sudah mengadakan rapat umum, beramai-ramai bersidang, tak boleh buat apa-apa. Pejabat Agama tak boleh buat apa-apa, Penghulu tak boleh buat apa-apa, Balai Polis tak boleh buat apa-apa, hampir bertempur di Kampung Indah. Kemudian kita kata bacalah kitab tetapi kita tidak menyediakan kitab. Kitab yang ada dalam kampung-kampung orang Melayu "Syahbilal muhtaddin dan muta'al badrin" - perukunan. Kemudian orang pun belilah kitab soal-jawab, A. Hassan dari Indonesia, orang pun baca, sedap.

Pedoman Solat yang dikarang oleh A. Hassan. Di situ ada yang **ber-**lawanan dengan kitab-kitab Melayu yang dikarang oleh Sheikh Daud Al-Fatani dan sebagainya. Jadi ini perlu kita semak.

Kalau hendak menjadikan masjid berfungsi selain daripada kelas-kelas taqmir yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang ini, itupun sebahagian daripada kelas-kelas taqmir apabila saya tinjau hidup segan mati tak mahu. Orang sekarang ini mahu yang bernas, mahu yang boleh memantapkan pendapat. Jadi kita rugi. Kalau kita menyediakan peruntukan \$2-3 juta setahun untuk memberi elaun kepada guru-guru taqmir yang hendak memakmurkan masjid-masjid setiap minggu sekali atau dua kali tetapi analisa yang kita buat kita tidak bekalkan kepada mereka dengan secukup-cukup bekal, maka masyarakat juga yang akan menghadapi kerugian.

B.13, Tuan Yang di-Pertua. Negara kita ini sepertimana petang semalam kita ikuti ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam Dewan Rakyat sewaktu membentangkan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 1987 bahawa negara kita ini mengandungi badan-badan tertentu yang melaksanakan, yang menggubal dan yang mengambil tindakan.

Apa yang kita perhatikan sekarang **ini**, baru-baru ini timbul sedikit kekecohan, kekecohan ini kerana adanya segelintir orang yang menganggap dirinya cerdik pandai untuk mengambil tahu, untuk memastikan supaya mereka yang duduk di dalam badan kehakiman boleh menguruskan kerja-kerja menegak keadilan secara saksama tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak dalam masyarakat, maka institusi itu telah diwujudkan sebagai sebuah badan bebas yang tidak menyebelahi kepada mana-mana fahaman politik. Ia juga telah tidak diletakkan di bawah kongkongan atau kawalan mana-mana kalangan, baik executive atau legislative. Dengan adanya kedudukan yang tinggi dan mulia seperti itu, maka kepercayaan orang ramai, terutama pihak-pihak yang berbalah untuk menerima dan mendapat keadilan terus dipertahankan.

Andainya nilai itu dapat dikekalkan, maka badan kehakiman akan menjadi satu institusi yang dihormati dan disanjung tinggi dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada matlamat ini tercapai atau tidak, banyak bergantung kepada tindak-tanduk mereka yang menganggotai badan kehakiman itu sendiri. Mereka yang dilantik ke jawatan itu biasanya terdiri dari lulusan undang-undang yang berwibawa dan berpengalaman di dalam mengendalikan kerja-kerja menegakkan keadilan sejajar dengan undang-undang negara yang telah diluluskan oleh Parlimen. Di dalam konteks negara ini bilangan para hakim bukan sahaja kita tahu memang kecil jumlahnya, tetapi sebaik sahaja dilantik sebagai hakim, kedudukan mereka dilindungi oleh peruntukan Perlembagaan dari sebarang pemecatan yang boleh dilakukan sewenang-wenang seperti halnya dengan lain-lain anggota Perkhidmatan Awam Kerajaan yang lain.

Dengan kedudukan mereka sebagai hakim, mereka juga dilarang mencampuri urusan politik. Sekiranya mereka mempunyai pandangan politik, pandangan itu tidak boleh dinyatakan secara terbuka melalui media massa. Dalam berpegang kepada tradisi ini, kita tidak boleh bertolak ansur, sekiranya ada di antara hakim mula mencampuri urusan politik maka timbul tandatanya mengenai kemampuan dan keupayaannya untuk menguruskan kerja-kerja menegakkan keadilan secara adil dan saksaraa, akhirnya nanti kewibawaan mahkamah akan dipertikaikan.

Kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, saya amat menyokong kuat kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita di dalam bulan September lalu pada waktu beliau membuat lawatan ke Pahang, di

mana Perdana Menteri telah membuat satu pendedahan terbuka terhadap adanya keanggotaan kehakiman yang telah melampaui bidang tugas mereka dengan mencampuri urusan politik.

Jadi, harapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini amat penting untuk memastikan keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi yang bebas itu dari politik dan tidak diragui oleh sesiapa.

Kepada mereka yang ingin berpolitik, ingin mencampuri politik, yang berminat dengan politik, mereka boleh meninggalkan profesyen masing-masing dan ayuh, ayuh pintu politik terbuka bila-bila masa. Sama ada mahu menyokong Kerajaan atau menentang Kerajaan secara terbuka di dalam platform pilihanraya, memang boleh jadi menteri, kalah apa nak buat. Begitulah nasib di dalam politik.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang masuk kepada B.17....

Timbalan Yang di-Pertua: Saya harap Yang Berhormat dapat meringkaskan sedikit kerana saya sudah dapat notis, banyak Ahli Yang Berhormat mahu bercakap juga. Berilah peluang dan sekarang dipersilakan Yang Berhormat berucap sedikit lagi.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: B.17, Tuan Yang di-Pertua, ialah keinginan dan hasrat Kerajaan kita dalam usaha mahu membantu belia-belia kita berniaga. Tindakan membantu para belia berniaga itu, Tuan Yang di-Pertua, saya tak tahulah, saya tak pernah pergi ke negara lain, tetapi saya rasa di negara lain tak ada dibuat macam di Malaysia ini. Orang hendak berniaga dibantu, diberi modal, ditunjukkan tempat, ditunjukkan barang, hendak berniaga itu-ini, modalnya sekian ribu, pinjaman kalau tak pulangkan pun tak apa. Tak ada negara lain buat macam Malaysia. Kita tengok belia lain datang ke Malaysia, dua-tiga hari dia datang dan besoknya dia sudah boleh

menjual kain, bungkus kain naik basikal keliling kampung. Itu keadaan yang berlaku hari **ini**, dalam negara kita, Tuan Yang di-Pertua.

Pelarian daripada Kampuchea boleh rnenjadi penjaja kain ke seluruh negara dan penjaja aiskrim ke seluruh negara; pendatang daripada Pakistan dan Afghanistan boleh menjadi penjaja kain ke seluruh negara, boleh menghutangkan kain yang menjadi pakaian kepada rakyat Malaysia. Adakah ini memang budaya rakyat Malaysia suka membeli dan berhutang dengan orang lain? Kalau ini budaya kita, maka kita perlu fikirkan apakah itu budaya yang sihat atau tidak.

Kalau sekarang belia-belia dari negara jiran Indonesia datang ke mari dengan sehelai sepinggang, dia boleh menjadi penjual macam-macam barang yang dijual sehingga menguasai kawasan strategik kaum belia bumiputera. Apakah ini budaya yang sihat, maka kita akan biarkan sahaja? Negara kita liberal, siapa datang dengan aman, datang dengan halal dia hendak buat kerja apa pun boleh. Tetapi kita perlu ingat, berapa banyak wang kita yang mereka kaut dan angkut setiap bulan dan setiap tahun.

Apakah lama-lama nanti duit kita tidak habis? Kalau seorang menghantar ke negara asalnya \$100 sebulan, setahun \$1,200. Kalau ada 10,000 orang berapa juta yang diangkut setiap bulan, setiap tahun ke negara mereka. Apakah duit kita tidak habis? Kita takut minyak kita habis, timah kita habis, tetapi apakah kita tidak takut duit kita habis? Adakah mereka ini berniaga di seluruh negara dengan berlesen atau tidak? Berapakah Kerajaan dapat cukai dari mereka? Ini saya hendak tanya. Sehingga ada di rancangan-rancangan perumahan yang tuanpunya-tuanpunya rumah itu menyewakan rumahnya kepada mereka ini.

Mereka berpekik semasa minta rumah murah, apabila dapat rumah murah, duduk setahun, selepas itu ditinggalkan, pergi pindah ke tempat lain. Sebahagian daripada kakitangan kerajaan cerdik, dia duduk di Kuala Langat, dia dapat rumah murah, enam tahun kemudian dia pindah ke Ulu Langat, di sana pun dia dapat rumah murah lagi. Selepas itu agak-agak hendak bersara, dia balik ke kampungnya di Sabak Bernam dan dapat lagi rumah murah. Itu cerdik. Itu budaya yang sihat, teruskanlah supaya orang yang tak dapat rumah terus tak dapat rumah.

Pemilihan rumah dikatakan menggunakan sistem komputer tetapi bagaimanakah seorang suami dan isteri boleh dapat rumah, sedangkan dalam projek yang lalu dia juga yang dapat. Ini saya hairan, tetapi dikatakan menggunakan sistem komputer. Katanya kalau nombor Kad Pengenalan itu sudah pernah naik dapat rumah, di dalam komputer yang kedua dia tendang nombor Kad Pengenalan itu, katanya begitu. Tetapi ini berlaku, suami isteri dapat rumah. Rumahnya disewakan kepada orang Pakistan dan Afghanistan yang datang berjual kain, orang Indonesia yang datang berjual apam balik, orang Kampuchea yang berjual aiskrim. Apakah ini budaya yang sihat dalam negara kita? Persoalan iai kepada Kementerian mana saya hendak tujukan supaya mengambil tindakan, saya pun tidak tahu. Jadi nanti ini jadilah macam lagu yang biasa kita nyanyikan: Bangau, oh! bangau....

Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu para belia kita berniaga, saya rasa ini bukanlah satu perkara yang boleh dibuat seperti melepaskan batuk di tangga. Ini bukan satu perkara yang boleh sekadar dipanggil temuduga ke Pejabat Kementerian Belia dan Sukan Daerah, kemudian dengan rekmen Penghulu, rekmen Wakil Rakyat sebab

seperti saya katakan tadi, kita cuba berjalan dari Kukup sampai ke utara, sewaktu dibuka kedai-kedai, warung-warung yang melalui pejabat daerah, sistem pejabat daerah tadi dibuat tetapi sekarang ini apa sudah jadi? Mana bengkel, mana worksyop, mana kedai tayar, mana kedai membaiki basikal, mana kedai gunting, mana kedai dobi, mana kedai kopi? Sebahagian daripadanya menjadi sarang tempat anak-anak kita yang menjadi penagih dadah.

Jadi apakah kajian telah dibuat, duit yang dikeluarkan begitu banyak semasa kita mewah dahulu? Semasa kita mewah dahulu apa sahaja yang diminta bagi, apa sahaja yang diminta hulur, tak kira. Tak kira buat apa boleh, buat jambatan tiga lapis pun boleh buat, nak buat bangunan 60 tingkat jalan, buat pintu gerbang besar mana pun buat. Itu pada masa ada, tetapi pada masa tidak ada, sekarang baru kita nampak dan sekarang kita bercerita masalah masa duit tak ada, sedangkan duit kita hilang. Itulah apabila saya bangkitkan di Dewan ini masalah import jagung, saya tengok Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain senyum. Apakah Haji Shaharom ini tak ada modal lain lagi, masalah jagung dia cakap. Tetapi jagung punya pasal, kita hilang \$385 juta setiap tahun.

Pengimportan jagung ini akan meningkat kepada \$500 juta pada tahun 1990 ini. Sejajar mengikut kajian dalam negara kita ini ada tanah seluas 40 ribu hektar yang boleh ditanam jagung, tanah terbiar. Tanam jagung ini bukan macam tanam kelapa sawit hendak tunggu tiga tahun baru keluar hasil. Jadi, harapan saya kepada pihak MARDI, harapan saya kepada pihak Kementerian Pertanian, kepada agensi-agensi Kerajaan yang lain terutama dalam B.19 supaya mengambil perhatian yang sebenar-benarnya dan sebaik-baiknya dalam masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, bandingkan di Kuala Lumpur ini suatu masa penduduknya akan mencapai kepada tingkat 2 juta orang sedangkan tidak ada satu orang pun yang bertanam padi di Kuala Lumpur ini, baik di Kuala Lumpur atau Wilayah Selangor yang berhampiran dengan Kuala Lumpur. Yang sebenarnya Kuala Lumpur ini tidak ramai orang duduk, yang ramai dekat-dekat tepi Selangor yang banyak. Sedangkan penanam padi kita yang ada di jelapang padi di Kedah, di Perlis, di Tanjung Karang dan Sabak Bernam, sudah mulai merasa, kalau orang lain boleh tinggalkan Tanjung Karang, kenapa aku mesti bodoh-bodoh duduk di Tanjung Karang, bagi makan orang, sedangkan harga padi macam itu sekalipun LPN memberi subsidi, memberi kupon dan sebagainya. Sebab tanah sawah itu tidak dapat diluaskan lagi. Persawahan di Endau yang cuba dibawa penanam-penanam padi daripada sebelah utara juga saya dapat tahu tidak mencapai kepada tujuan maksud.

Satu masa dahulu Menteri Besar Johor minta penanam padi daripada Utara dibawa ke Selatan. Jadi, keadaan ini, Tuan Yang di-Pertua, seringkali kita dengar harga beras di luar negeri lebih murah daripada harga beras kita dan kita hanya mahu menyediakan beras ini

untuk setingginya 80% keperluan negara, yang lain kita beli. Jadi, kalau ini menjadi budaya kita Malaysia, memang suka beli, teruskan. Tetapi bagaimana keadaan mereka yang duduk di kawasan tanaman padi yang selama ini menjadi penanam padi yang hanya mengambil upah menyewa tanah. Hidup mereka tidak seuntung mana. Mereka tidak akan mencapai kepada peringkat penanam padi yang berbahagia.

Penanam nenas di Pontian, satu ekar boleh ditanam dengan 14 ribu solor nenas. Setahun dia akan mengeluarkan buah. Kalau sebiji laku \$1.00 dapat \$14,000. Tetapi kalau harga nenas 2 sen sebiji dia dapat beberapa setahun hasilnya. Sebab itu penanam nenas, pekebuni-pekebun kecil terpaksa mengorak langkah tanam getah atau tanam kelapa sawit. Jadi, kita masih mempertahankan bahawa ada sekian puluh ribu ekar ladang nenas daripada pekebun kecil sedangkan mereka tidak mendapat pulangan yang sepatutnya. 2sen, 1 sen dan kadang-kadang langsung nenas tidak laku. Bermati-mati dengan menanam nenas baka Johor I. Ini juga serupa apabila sampai ke kilang, tidak boleh hendak buat apa-apa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan ini semua kita amat berbangga, saya amat berbangga dengan kegigihan seorang Menteri Pertanian kita yang belum pernah dilakukan oleh Menteri-menteri Pertanian yang lepas-lepas. Yang Berhormat Dato' Sanusi Junid ini manusia yang ganjil pada saya, yang orang tidak buat, dia buat. Kempen makan ulam, minum kelapa muda, ikan darat, tukun tiruan, kumpulkan tayar buruk, pergi ke laut dalam. Jadi, ini seorang Menteri yang lain daripada Menteri-menteri Pertanian kita yang dahulu.

Kalaulah hasrat Dato' Sanusi ini dapat diterima oleh petani apa yang ada di dalam fikiran Dato' Sanusi dapat difokuskan kepada

fikiran petani, apa yang ada di dalam kepala Dato' Sanusi itu di-komputerkan, divideokan dan disampaikan kepada nelayan-nelayan, mereka boleh terima. Tetapi Dato' Sanusi bercakap nun di atas apabila sampai kepada mulut pegawai, mulut pegawai, mulut pegawai kepada juruteknik ke bawah sudah lain cerita. Apa cerita dibawa, tuan-tuan hendak buat, buatlah; tidak buat, sudah. Ini kehendak Kerajaan, katanya. Apabila sampai ke kampung itu ceritanya. Tuan-tuan hendak ikut sistem ini ikut, tak ikut, tidak mengapa, Kerajaan tidak rugi, tuan-tuan yang rugi. Ini bukan cara membimbing, ini bukan cara memimpin, ini bukan cara menggembelingkan masyarakat. Sikap ini masih ada.

Jadi, saya tidak hairan kalau Yang Berhormat Dato' Yusof Nor pernah bercakap bahawa masih banyak ada di antara kakitangan pegawai Kerajaan yang menjadi kayu mati. Kayu mati, lapuk tidak, tumbang tidak, dibakar tidak boleh. Hendak dibakar dia sudah masuk skim pencen, hendak ditumbangkan, dia kata saya lagi dua tahun hendak pencen. Ini yang susah kita.

Semalam Perdana Menteri kita bercakap bertani secara komersial, nelayan secara komersial. Kalau apa yang ada di kepala Perdana Menteri kita itu difokuskan satu-satunya kepada setiap nelayan kita, memang jadi. Tetapi bila daripada mulut Perdana Menteri turun kepada tingkat pegawai, pegawai, pegawai, pegawai, kepada juruteknik di bawah sampai kepada nelayan, ceritanya lain - tuan-tuan hendak turun ke laut turun, tak turun sudah, kita beli ikan daripada Siam. Ini kalau kita duduk di tengah-tengah masyarakat, ini kalau kita duduk di tengah-tengah kampung. Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua memahami masalah ini, jadi apabila kita memahami masalah ini maka itulah kita perlu menyampaikan kepada masyarakat ini satu pimpinan yang benar-benar tidak untuk kepentingan seseorang, tidak kepentingan satu-satu golongan.

Di dalam Kementerian Pertanian B.19 **ini**, Tuan Yang di-Pertua, saya masih mahu bercakap lagi kerana baru-baru ini telah keluar berita, kenyataan yang menyatakan bahawa negara kita ini akan menjadi pengeluar koko yang terbesar di dunia. Dahulu getah yang utama, pengeluar getah yang utama, pengeluar bijih timah yang utama, pengeluar petrol yang terbesar, sekarang koko. Negara kita akan menjadi pengeluar koko yang keempat terbesar di dunia, hebat. Kita dengar itu hebat. Maka kita tengok, saya pun mula berjalan, saya tengok mana-mana tempat-tempat yang ada tanam koko.

Kerajaan kata Malaysia akan menjadi negara keempat terbesar di dunia mengeluarkan koko, kalau rakyat menyahut cabaran ini. Carilah sekeliling kampung. Rakyat puni racun kebun **dia**, tebas buat lobang, benih tidak sampai. Apabila benih sampai, musim hujan. Tanah yang sedia berair, tidak banjir tetapi berair. Kita cangkul sahaja dua mata cangkul ada air di bawah. Apakah tanah-tanah ini sesuai dengan tanaman koko? Ini berlaku di sekitar dua mukim tiga peserai Batu Pahat. Suratkhbar panggil ini mukim Bagan Rengit. Tanah itu sudah kering kerana adanya projek Johor Barat. Tanah yang masih berair adakah ini sesuai?

Apabila saya pergi ke Sabak Bernam, ke Teluk Intan, saya tengok sana lain keadaan tanahnya. Itu nanti jadi gred koko Bagan Datok lain, gred koko di Sabak Bernam lain, gred koko di Batu Pahat lain, gred koko di Kuala Langat lain. Yang akan menerima kesan ialah petani-petani kecil. Jadi kajian-kajian sepatutnya dibuat dengan sedalam-dalamnya. Sebab itu kita tidak mahu rancangan-rancangan projek-projek ini dibuat seperti hendak mengisi data turun-naik kemajuan satu-satu kertas kerja.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan cerita jambu batu 68,350 hektar tanah sesuai dengan jambu batu. Tanah yang macam mana, di mana tempatnya, jambu batu benih mana. Saudara saya sudah bercakap masalah jambu batu ini..

Jadi rancangan-rancangan yang begitu baik, yang begitu banyak yang boleh menguntungkan kepada petani-petani kecil, petani-petani tulin di kampung-kampung. Ini sepatutnya dibuat secara yang ber-sungguh-sungguh untuk hendak mengisi kantung rakyat.

Kita katakan kita hendak bawa kita punya anak-anak yang sudah keluar universiti ini pergi menjadi petani siswazah. Kita cuba contohnya. Kita tanya dalam Dewan ini berapa orang daripada sekian belas ribu yang menganggur yang sudah menyahut seruan menjadi petani siswazah? 15 orang, 20 orang daripada sekian ribu. Sebab mereka tidak yakin bahawa dengan menjadi penanam koko, penanam tebu atau membuka satu kawasan ulam-ulaman sahaja seperti mana yang dilaungkan, kempen makan ulam-ulam itu. Sebenarnya kempen makan ulam ini yang berlaku di hotel-hotel besar. Kita di rumah kita memang sudah biasa makan ulam-ulam yang ada. Ulam apa lagi yang kita hendak makan. Jadi kalau benda ini mendapat sambutan kita perlu adakan satu projek kawasan tanam ulam-ulaman sahaja. Pucuk itu, pucuk ini yang akan meyakinkan, hantar 30-40 orang siswazah, ini siswazah ulam-ulaman. Kita mesti buktikan begitu. Kalau tidak, cuma ia berupa seruan-seruan sahaja. Duit habis. Sampai tahun kita bentangkan balik Belanjawan. Juga nanti pertengahan tahun tidak cukup, minta tambah lagi dan kita pun luluskan; Ahli Dewan ini pun bercakap dengan suara yang lantang. Orang-orang Kerajaan fikir ini hentam dia.

Sebenarnya tidak menghentam. Saya tiada niat menghentam. Cuma cara saya bercakap **ini**. macam orang menghentam sahaja. Kalau saya bercakap lembutpun tetapi. memang menghentam, sikit. Ini tidak menghentam sesiapa, kita mengharapkan. Ini. tidak mengkritik sesiapa, hanya kita merayu supaya apa yang kita hajatkan, yang kita cita-citakan membina satu masyarakat, masyarakat di. luar bandar yang masih ketinggalan. Masyarakat: belia yang perlu dibimbing.

Sekarang kita sudah tidak dengar lagi di dalam rapat-rapat umum, di dalam perjumpaan ramai. "saudara-saudara belia hari. **ini**, pemimpin besok" tidak dengar lagi.. Sebab kita takut kalau kita kata, "saudara-saudara pemimpin besok", dia memimpin belia-belia membuat satu gerakan, kita kelam-kabut. Tidak cukup kawah atau khemah ISA hendak kita tampung. Sebab itu kita biarkan. Minta maaf nampaknya macam cara pilihanraya pula.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini supaya kita benar-benar merenung masalah **ini**.. Dalam masa kita sendiri sedang menghadapi dilema dalam negara khususnya seperti kemelesetan ekonomi, pengangguran yang dikatakan 9% dan akan meningkat. 9% dari 15 juta hampir satu juta menganggur.

Kalau 9% daripada guna tenaga orang muda atau kalau 9% daripada rakyat, 9% daripada 15 juta ertinya satu juta lebih sedikit menganggur. Ke mana hendak bawa? Ke mana kita hendak halakan mereka ini? Ke mana kita hendak beri dia keyakinan hidup supaya menjadi anggota masyarakat yang baik, menjadi anggota masyarakat yang dinamis, menjadi. anggota masyarakat yang bertanggungjawab kepada negara.

Dalam masa kita bercakap dengan kemajuan sains, teknologi, alat komputer dan sebagainya timbul juga perkara-perkara yang menggelikan hati kadang-kadang. Misalannya, macam manalah seorang yang sudah berumur 40an tahun apabila mendapat kad pengenalan baru umurnya tinggal 3 tahun. Bukankah ini menggelikan hati?

Seorang guru KEMAS di mudakan 40 tahun. Seorang Pemaju Masyarakat di Tapah, Puan Aishah Alias 42 tahun yang menukar kad pengenalannya terkejut bila mendapati tarikh lahir dalam kad pengenalannya telah berubah menjadi tahun 1985. Dari tahun 1945 pergi. 1985! Takkanlah daripada Pejabat Pendaftaran itu hendak keluar daripada mesin itu tidak disemak dulu hendak masuk bakul hendak hantar ke Tapah. Sudah itu sampai Ipoh, Pejabat Pendaftaran Ipoh hendak hantar ke Tapah itu tidak disemak. Sudah itu sampai ke Tapah dibiarkan tidak ditengok. Inikan malu sampai dikeluarkan dalam suratkhobar. Ini saya bawa potongan suratkhobar lengkap dengan gambarnya. Malu! Dalam Jabatan yang begitu "sophisticated" kata orang kalau kad pengenalan tiruan pun boleh dikesan, tetapi di dalam kesilapan menulis daripada tahun 1945 ke tahun 1985, tidak sedar!

Berlaku di Kelantan seorang pekebun di kehendaki membayar lesen selama 502 tahun. Satu lagi kesilapan. Itu berlaku di Kota Bharu seorang pekebun kecil Salleh Isa terkejut besar apabila dia dikehendaki membayar tunggakan 502 tahun untuk lesen hendak jual getah beku, getah sekerap. Bukan getah pakai lori, pakai tanker. Tetapi getah keping yang dua tiga keping dijemur di tepi jalan. Lesennya kena bayar 502 tahun. Sedangkan pokok getah dalam negara kita belum berumur 500 tahun. Ini perkara-perkara yang berlaku macam ini. Sungguhpun kecil, cuma satu atau dua yang berlaku tetapi kita malu. Apa lagi kalau ini dikeluarkan oleh suratkhobar yang diterbitkan di Hong

Kong - "sistem pentadbiran Malaysia..." Nasib baik dikeluarkan di **Utusan Melayu**, tulisan jawi yang orang pun tidak ramai. yang baca. Namun demikian kita mesti sanjung **Utusan Melayu** ini kerana terus menghidupkan tulisan jawi.. Dia akan kekal sehingga Yaumul Qiamat selagi Al-Quran ada, tulisan jawi akan ada. Sebab itu kita pelihara. Kita sanjung Utusan Melayu yang meneruskan usaha-usaha itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya masih banyak lagi kalau saya hendak menyampaikan ucapan saya. Tetapi oleh kerana memandangkan Tuan Yang di-Pertua pun sudah senyum sengih, senyum sengih dengan saya, saya faham.

Maka akhirnya, kepada B. 45 Kementerian Buruh. Dalam menghadapi pengangguran di dalam negara yang kian meruncing dan mengikut jangkaan terbaru kadar itu meningkat 9.4% pada tahun hadapan. Angka ini akan bertambah membimbangkan apabila sebilangan penganggur **terdiri** daripada mereka yang rnedapat pendidikan tinggi. Maka dalam kadar pertumbuhan ekonomi yang tidak seberapa kadar pengangguran ini tidak dapat diserapkan untuk diperkecilkan bagi membuka peluang-peluang pekerjaan kepada mereka yang menganggur. Bagaimanapun, namun yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang positif adalah perlu di.ambil supaya tidak membiarkan keadaan ini bertambah buruk di dalam keadaan Belanjawan negara kita yang semakin terbatas. Di tambah lagi dengan kedatangan tenaga-tenaga buruh daripada negara-negara jiran. Bukan sahaja Indonesia, negara-negara jiran yang lain seperti Filipina, Burma, Thailand, dari Bangladesh pun saya dengar sampai ke sini.. Macam manalah seorang penganggur boleh datang ke sini naik kapalterbang?

Oleh **itu**, Tuan Yang di-Pertua, projek-projek itu iaitu projek-projek yang meliputi bidang pertanian, perladangan dengan pembukaan tanah untuk dikerjakan di samping tanah-tanah terbiar terus diusahakan, saya harap tidak akan diteruskan terbiar begitu sahaja.

Apa yang saya katakan tadi, lepasan sekolah dan siswazah yang menganggur perlu diberi galakan dan latihan yang secukup untuk mereka mengalih pandangan supaya mereka dapat mencipta pekerjaan dan tidak lagi bergantung kepada mana-mana pihak baik awam ataupun swasta untuk mengisi mereka ke dalam bidang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai. dengan siswazah menganggur **ini**, sesiapa yang tidak mempunyai anak yang sudah keluar dari universiti, tiada kerja, memang tidak merasa apa-apa. Tetapi saya sebagai seorang ayah yang mempunyai dua orang anak yang sudah keluar daripada pusat pengajian tinggi., dapat title Sarjana Muda, tetapi sudah dua tiga tahun tidak dapat apa-apa, alangkah sedihnya. Bukan saya seorang, malahan kalau dikira sekarang ini lebih 50,000 - 60,000 ibu bapa yang bergenangan air mata setiap masa dan ketika mengenangkan keadaan ini.

Seperti saya katakan tadi namun demikian tidak cukup dengan seruan supaya mereka menyahut apa yang disuarakan, sedangkan mereka sebenarnya tidak bersedia sepenuhnya di samping kekurangan-kekurangan yang lain untuk membina kehidupan. Keadaan ini perlu kita ubahsuai supaya mereka lebih dilengkapi dengan persediaan yang secukupnya untuk mengusahakan pekerjaan untuk membina penghidupan mereka yang bahagia.

Negara kita sudah tidak mampu untuk menyediakan peluang pekerjaan di dalam perkhidmatan awam. Di Dewan Rakyat, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dr. Yusof Nor menyatakan ada 185,000 jawatan kosong bagi keseluruhan sektor awam. Di dalam Kementerian Kesihatan sahaja kekosongan 10,603; Jabatan Penjara 1,494; Perkhidmatan Polis 7,166 kekosongan; Perkhidmatan Tentera 36,416 kekosongan; Kementerian Pendidikan kekosongan 12,834. Ini semua

tidak dapat hendak diisi kerana kita tidak ada duit, kalau hendak diisi, terpaksa bayar gaji rendah. Saya menyokong, bagilah gaji rendah asalkan mereka boleh bekerja, Kasihani mereka, dan cepatkan proses pengambilan ini. supaya ucapan-ucapan dan laungan-laungan yang telah diperdengarkan itu akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana saya hendak memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk bercakap, dengan ini sekalipun masih banyak bahan dan simpanan yang telah saya kumpulkan untuk tiga empat jam lagi masih ada, dengan ini. saya menyokong Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perkhidmatan bagi 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun ini. diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan saya mohon maaf kepada pihak-pihak yang tertentu jika sekiranya dalam apa yang saya sampaikan tadi dirasakan begitu menekan, menonjol dan sebagainya, saya tidak bermaksud yang lain semata-mata menyampaikan hasrat rakyat di dalam negara Malaysia yang makmur.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Abu Bakar bin Lajim.

5.04 ptg.

Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli. Yang Berhormat sekalian. Syukur saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurniaNya dapat saya bersama-sama rakan-rakan saya yang lain bangun di Dewan yang mulia ini. bagi turut serta dalam membahaskan dan menyokong pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 1988.

Saya dapati Belanjawan 1988 adalah lanjutan dari. usaha-usaha

Belanjawan Negara tahun yang lalu bagi memerangi kemelesetan ekonomi negara. Saya berpendapat negara memang perlu satu perbelanjaan yang praktikal dan saksama di samping mencapai matlamat Belanjawan itu sendiri. Belanjawan itu juga hendaklah tidak membebankan rakyat, malah sebagai pertambahan insentif pada pertambahan produktiviti negara. Sebagai gambaran latar belakang, saya ingin menyentuh sedikit keadaan ekonomi antarabangsa yang mempunyai kesan langsung kepada ekonomi Malaysia.

Pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian dijangka meningkat secara perlahan dan sederhana sahaja. Ini berikutan dari dasar fizikal yang terus ketat berikutan dari defisit Belanjawan yang masih tinggi. Keluaran Negara Kasar (KNK) negara perindustrian dijangka meningkat sedikit dari 2.4% pada tahun 1987 kepada 2.6% dalam tahun 1988. Kadar pengangguran di negara-negara perindustrian juga terus kekal pada tahap yang tinggi iaitu 7.17%. Antara sebabnya ialah kerana kadar pertumbuhan Kerajaan yang perlahan berbanding dengan kadar perkembangan tenaga buruh. Perkembangan perdagangan dunia juga dijangka tidak menggalakkan kerana wujud sentimen perlindungan yang tinggi di negara-negara perindustrian.

Di sebalik itu, ingin saya menarik perhatian Ahli-ahli Dewan pada ekonomi negara-negara ASEAN yang mempunyai asas ekonomi yang hampir serupa tetapi mempunyai pertumbuhan ekonomi yang agak tinggi. Di dalam banyak hal, negara kita mempunyai lebih advantage seperti kestabilan politik dan hasil semula jadi yang banyak. Kita sepatutnya meneliti diri sendiri apakah faktor-faktor yang telah menyebabkan negara kita mempunyai pertumbuhan yang rendah malah pertumbuhan negatif pada tahun 1985, sedangkan negara-negara jiran

mempunyai pertumbuhan pada kadar yang menggalakkan. Saya pasti tentu terdapat sesuatu sebab yang besar keadaan itu boleh terjadi. Sama ada dari segi struktur ekonomi, birokrasi Kerajaan atau masalah politik dalaman. Keadaan ekonomi Thailand menunjukkan kadar pertumbuhan pada 7%. Struktur ekonomi Thailand, Indonesia dan Filipina adalah lebih kurang sama yang bergantung pada eksport komoditi utama. Kita mengharap struktur ekonomi Malaysia dan Belanjawan Tahunan Negara perlu mendapat penelitian dan kajian perbandingan.

Walau bagaimanapun sebagai sebuah ekonomi terbuka dan banyak bergantung kepada perdagangan antarabangsa, pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan juga memberi kesan kepada Malaysia. Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka meningkat pada tahun 1988 pada paras yang rendah iaitu 2%. Kedudukan harga komoditi kita di pasaran antarabangsa tidak mempunyai kecenderongan untuk meningkat dengan lebih baik. Kelapa sawit diramalkan akan mengalami kejatuhan harga akibat daripada pertandingan dengan minyak kacang soya dan kempen-kempen yang dijalankan bagi memburuk-burukkan minyak kelapa sawit. Getah juga dijangka akan meningkat penghasilannya. Negara mungkin akan banyak bergantung kepada hasil petroleum dengan pertambahan pengeluaran, tetapi tidak pada pertumbuhan harga.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ber- dapat tiga sektor dalam ekonomi Malaysia yang menjadi asas pertumbuhan iaitu sektor Kerajaan, sektor swasta dan sektor luar. Sektor utama ialah sektor luar di mana wujudnya pertambahan permintaan dan kedudukan harga yang lebih baik terhadap komoditi utama kita di pasaran antarabangsa. Sektor kedua penting adalah sektor swasta menerusi peningkatan permintaan barang-barang kilang yang berpotensi eksport.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menarik perhatian Dewan kepada satu sektor penting dalam ekonomi negara ini tetapi telah tidak diberi perhatian khusus dalam Belanjaan 1988 dan Rancangan Malaysia Kelima, iaitu sektor pembinaan. Saya katakan penting kerana sektor pembinaan menyumbang sebanyak lebih 5% dari seluruh keluaran dalam negara kasar pada tahun 1985. Saya katakan tidak diberi perhatian khusus kerana tidak ada bab yang dikhususkan untuk menganalisa kemajuan sektor pembinaan dan merangka strategi-strategi dan penyediaan peruntukan untuk meningkatkan lagi prestasi sektor ini, selain daripada satu atau dua perenggan yang meramalkan bahawa pertumbuhan sektor pembinaan dijangka merosot dari 8.1% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat kepada 5.6% setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Sektor pembinaan hanya disebut sebagai sambil lalu kepada sektor-sektor lain secara incidental sahaja, dengan izin.

Pada tahun 1987 dan 1988 pertumbuhan industri ini adalah amat malang kerana mencatatkan pertumbuhan yang negatif. Saya berpandangan sektor pembinaan perlu diberi perhatian yang sewajarnya kerana selain daripada sumbangan ekonominya seperti yang saya sebutkan tadi, sektor ini adalah tempat bergantung hidup lebih 40,000 orang atau syarikat kontraktor di mana lebih daripada sepenuhnya adalah bumiputera. Ini belum lagi diambil kira beratus-ratus lebih orang kakitangan dan pekerja mereka. Sektor ini adalah sangat penting dalam membantu meninggikan prestasi sektor-sektor lain.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kontraktor-kontraktor bumiputera banyak bergantung kepada projek-projek Kerajaan untuk mendapatkan kerja-kerja kontrak. Projek-projek Kerajaan ini pula banyak ditentukan oleh peruntukan pembangunan Kerajaan. Dalam hubungan ini, saya merasa agak kecewa apabila melihat peruntukan pembangunan sektor awam bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelima semakin merosot iaitu bagi tahun 1986 hingga 1990 hanya berjumlah \$74,000 juta, berbanding dengan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Keempat yang berjumlah \$80,331 juta. Jelas sekali jumlah projek-projek yang akan ditawarkan dalam tempoh tiga tahun akan datang ini akan berkurangan, sedangkan bilangan kontraktor terus bertambah.

Saya sedar pengurangan yang disebutkan tadi adalah merupakan akibat secara langsung dari kemelesetan ekonomi yang sedang dialami semenjak kebelakangan ini. Walau bagaimanapun, saya berpandangan pihak Kerajaan harus berikhtiar mendapatkan punca-punca kewangan dari mana-mana sahaja bagi memastikan peruntukan pembangunan tidak terus berkurangan dalam Belanjawan tahunan. Projek-projek

pembangunan perlu dipesatkau bagi mengerakkan jentera ekonomi yang lembab ini di samping membantu masyarakat-masyarakat kontraktor. Keadaan kemelesetan ekonomi telah menyebabkan banyak syarikat-syarikat pemborong kecil yang gulung tikar, malahan syarikat-syarikat besar pun hanyak yang hampir lupus. Saban hari tindakan-tindakan mahkamah mengisytiharkan bankrap dilakukan terus-menerus dan setengah-setengahnya mati tidak berkubur. Saya khuatir apabila keadaan ekonomi pulih tidak ada lagi kontraktor-kontraktor dalam scenario ekonomi kita.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak Kerajaan membangunkan kembali sektor ini dengan membentuk empat atau lima kontraktor elite setiap tahun di mana kontraktor-kontraktor kecil boleh bernaung. Gagasan ini pernah dicadangkan dalam kertas kerja semasa Kongres Ekonomi Bumiputera tahun 1980. Jika perhatian segera dan serius tidak diambil saya khuatir penyertaan 30% bumiputera di bidang pembinaan tidak akan tercapai.

Stress and strain, dengan izin, di dalam dunia kehidupan hari ini telah semakin memuncak menyebabkan ramai bilangan yang menghadapi nervous breakdown malah juga membawa kepada kematian.

Di negara Jepun misalnya, dari kajian sebuah akhbar harian Daily Yomiuri, seramai 77 presiden-presiden top executives mati dalam setengah tahun 1987, Tahun 1986 seramai 125, berbanding dengan 43 kematian pada tahun 1980. Apakah sebab-sebab yang telah membunuh mereka ini. Sungguhpun mereka ini memang telah sedia menghadapi berbagai penyakit, ahli-ahli kaji jiwa berpendapat top executives menghadapi stress ataupun tekanan jiwa yang kuat akibat dari turun naik Yen, pasaran yang semakin mengecil dan eksport terus jatuh. Statistik memmjukan pada tahun 1986 terdapat pertambahan mendadal sebanyak 5% kes membunuh diri di kalangan executives di Jepun.

Sebagai satu industri baru, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentu berhajat agaknya mengikut jejak langkah serta ahli lawak di Jepun yang membuka kilang mengajar cara-cara tersenyum dan mudah ketawa. Sebuah salon kesihatan pula menyediakan 'Refresh Capsule' berbentuk rahim ibu dengan muzik yang lunak sebagai penenang fikiran. Berbangkit dari cerita Jepun inilah saya terbayangkan banyak usahawan-usahawan kita yang menghadapi tekanan yang serupa dengan- kemelesetan ekonomi yang membawa kepada pelbagai masalah kejiwaan dan sosial. Saya cuma ingin menyarankan kepada Kerajaan supaya melihat masalah usahawan-usahawan ini sebagai serius kerana saya khuatir apabila tamat tempoh Dasar Ekonomi Baru tidak ada lagi wujud usahawan-usahawan bumiputera kerana stress and strain tahun 80an ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penekanan yang diberikan oleh pihak Kerajaan terhadap usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk pelbagai sektor di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Ini terbukti daripada peruntukan pembangunan R&D yang meningkat dari \$124.3 juta di bawah Rancangan Malaysia Keempat kepada \$400 juta di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Penekanan ini adalah kerana R&D adalah menjadi teras kepada pembangunan ekonomi dan pemodenan terutamanya di bidang sains dan teknologi. Oleh itu, kita mempunyai badan-badan seperti MARDI, PORIM untuk menjalankan penyelidikan dalam pertanian, Institut Penyelidikan Perikanan untuk membuat penyelidikan dalam perikanan dan Institut Penyelidikan Perhutanan dalam bidang perhutanan. Kita juga ada SIRIM, Institut Penyelidikan Perlombongan Malaysia, Institut Penyelidikan Perubatan dan Institut Mikro Elektronik Malaysia bagi menjalankan R&D di dalam bidang masing-masing.

Malangnya kita kita tidak ada sebuah institut untuk menjalankan R&D dalam aspek pembinaan. Sebilangan kecil syarikat-syarikat kontraktor yang besar mungkin dapat menjalankan R&Dnya sendiri ataupun mengambil teknologi dan pakar-pakar dari luar bagi meningkatkan tahap teknik pembinaan mereka. Tetapi kontraktor-kontraktor kecil yang begitu ramai bilangannya tidak mampu berbuat demikian. Mereka sangat-sangat berharap kepada hasil ataupun penemuan R&D yang dijalankan oleh Kerajaan. Oleh itu saya sangat berharap supaya sebuah institusi penyelidikan pembinaan dapat ditubuhkan di dalam penggal Rancangan Malaysia Kelima ini.

Penubuhan sebuah institusi seperti ini akan mempunyai kesan yang besar bagi meninggikan tahap teknologi sektor pembinaan negara secara keseluruhannya. Dengan cara ini juga cita-cita Kerajaan ingin melihat kontraktor-kontraktor tempatan menerokai pasaran luar negeri dapat menjadi kenyataan.

Sektor pembinaan juga mempunyai ramai kontraktor-kontraktor kecil yang memerlukan pembelaan daripada pihak Kerajaan. Sekiranya sektor pertanian di Jabatan Pertanian, Pertubuhan Peladang, RISDA, FELDA, Bank Pertanian dan sebagainya maka wajar sekalilah sektor binaan mempunyai badan yang serupa bagi membantu kontraktor-kontraktor. Saya merasa dukacita kerana Belanjawan 1988 malah Rancangan Malaysia Kelima tidak mempunyai peruntukan-peruntukan untuk tujuan yang disebutkan.

Sehubungan dengan masalah kontraktor ini ialah peranan yang dimainkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor dan Unit-unit Penyertaan Bumiputera di Kementerian-kementerian. Saya terasa wujudnya semacam pertandingan di antara PKK dan Unit-unit Penyertaan Bumiputera di Kementerian Kerjaraya. Sehingga sekarang setahu saya kerjasama

antara keduanya tidak memuaskan. Saya berharap tidak wujud sikap membina empayer di kedua-dua agensi ini yang boleh menyebabkan kontraktor-kontraktor menjadi mangsa terutamanya kontraktor-kontraktor bumiputera.

Saya akan berasa bangga jika PKK dan UPP dapat mengambil pendekatan membangun dan bukannya pendekatan menghukum kepada kontraktor-kontraktor bumiputera yang menghadapi masalah dengan membuat siasatan rapi dari PKK sebelum tindakan mendenda atau menggantung diambil yang dianggap suatu tindakan terakhir. Setiap kes itu hendaklah dikaji mengikut meritnya.

Menyentuh mengenai PKK, masyarakat kontraktor bumiputera pada dasarnya menyokong sebarang usaha Kerajaan ke arah mengawal dan menghadkan bilangan kontraktor terutama di masa kekurangan kerja dan berlebihan kontraktor yang mana mengakibatkan hanya yang mempunyai daya ketahanan jiwa, organisasi yang tersusun dan berpengalaman sahaja boleh bertahan. Pelaksanaan agensi pusat ini amatlah mengecewakan walaupun objektif agensinya sangat jelas dan nyata.

Penubuhan PKK pada asalnya dijangka dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh kontraktor bumiputera tetapi nampaknya tidak bermaya disebabkan peranan yang sangat terhad. Keadaan ini seolah-olah mencerminkan pihak Kerajaan tidak sepenuh hati mewujudkan agensi tersebut.

Sejauh yang telah dilalui oleh PKK, saya melihat birokrasi antara Jabatan dan Kementerian telah menjadi penghalang kepada kelicinan pengurusan dan pentadbiran agensi itu. Mana-mana Jabatan Kerajaan yang kurang bersetuju menerusi Unit-unit Bumiputera yang sedia ada boleh melemahkan keberkesanan PPK sebagai agensi pusat.

Memandangkan terdapat berbagai bagi "loophole", dengan izin, yang boleh melemahkan dan meragukan kemampuan dan keupayaan PKK, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya menjadikan PKK sebagai sebuah perbadanan atau lembaga. Cara ini adalah seelok-elok pendekatan untuk mengatasi masalah birokrasi yang saya sebutkan tadi. Saya ibaratkan PKK ini seperti sebuah kereta yang berenjin Roll-Royce tetapi berbodi mini minor, apabila ditekan minyak maka berkecailah bahagian-bahagian badannya. Ini kerana di satu pihak, PKK cara menjalankan tugas bermentaliti birokrasi tetapi di satu pihak lagi, pihak peniaga dengan pendekatan ahli berniaga yang ingin menyelesaikan masalah secara segera. Jika mentaliti birokrasi ini tidak diubah seperti mentaliti peniaga, saya khawatir wujudnya salah faham berterusan antara keduanya dan pemasalahan terus bertokok tambah.

Selain itu, bidangkuasa pendaftaran pusat PKK hendaklah juga merangkumi semua kontraktor-kontraktor yang membuat kerja-kerja swasta. Dengan cara ini akan memastikan cuma kontraktor-kontraktor yang berlesen dibenar melaksanakan projek-projek binaan tidak kira di sektor awam atau swasta. Dengan cara ini peluang penyertaan kontraktor-kontraktor bumiputera di dalam projek swasta akan dapat dipertingkatkan lagi tidak hanya bergantung kepada projek-projek Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin beralih kepada Kementerian Kerjaraya, yang saya rasa pasti selalu mendapat teguran dan pandangan dari saya pada setiap kali persidangan Dewan ini. Saya berharap Menteri yang berkenaan tidak skan berasa jemu akan apa-apa perkara yang saya timbulkan ini. Saya tidak bercadang menimbulkan

kontraversi mengenai projek Lebuhraya Utara Selatan kerana ianya dalam proses undang-undang. Tetapi saya yakin, perkara ini akan diselesaikan sebaik-baiknya demi kepentingan rakyat dan negara.

Projek bekalan air keluar bandar telah berlalu hampir 8 bulan tetapi nampaknya jarang kita dengar perkembangannya melainkan baru-baru ini heboh mengenai ramai jurutera asing yang diambil bekerja dengan syarikat yang diberikan kerja iaitu Antah-Biwater. Tindakan mengambil jurutera asing ini akan menyebabkan pengaliran keluar wang, Saya difahamkan, banyak keperluan-keperluan peribadi mereka seperti kereta dan mesin-mesin yang dibeli dari negara asal mereka, Jika tujuan kita menyelamatkan tukaran asing nampaknya langkah-langkah itu cuma membesarkan lagi pengaliran keluar wang. Masa yang tinggal untuk pelaksanaan cuma tinggal 4 1/2 tahun lagi dan saya berharap pihak Kerajaan akan memastikan pelaksanaan ini tidak lewat dari jadual. Rakyat di luar bandar yang ingin menikmati kemudahan asas ini tentu ternanti-nanti di peringkat manakah agaknya projek tersebut,

Tuan Yang di-Pertua, satu aspek yang perlu saya sentuh ialah perutukan 30% kerja-kerja untuk kontraktor-kontraktor bumiputera. Saya difahamkan Antah Biwater telah secara diam-diam memilih kontraktor-kontraktor yang dikehendaki bagi projek tersebut walaupun syarat pemilihan kontraktor mestilah dilakukan bersama JKR. Penyertaan bumiputera dalam projek ini adalah "crucial" - begitu penting. Dengan penyertaan 30% dari projek bernilai \$1.4 bilion ini, peyertaan ini mestilah melibatkan kerja-kerja, pembekalan dan jururunding. Ada berita pula mengatakan secara tiba-tiba sahaja tumbuh beberapa sub-kontraktor untuk membuat kerja-kerja Antah Biwater ini, mungkin ini adalah satu sendiket yang dirancang oleh orang yang

memberi kerja itu sendiri. Jika perkara ini tidak disemak secara **teliti**, mungkin orang-orang nomini sahaja yang menyamar sebagai kontraktor-kontraktor akan mendapat kerja ini. Saya harap pihak JKR akan mengawasi tindak-tanduk yang serupa itu. Pihak Kementerian hendaklah memastikan tidak wujudnya penyelewengan di dalam penyer-taan ini,

Saya ingin mencadangkan juga supaya pihak Antah-Biwater diminta supaya tidak membuat package kerja yang sukar untuk kontraktor-kontraktor bumiputera secara berseorangan atau berkonsortium atau pembekal-pembekal turut serta di dalam tender-tender. Seboleh-bolehnya tender diasaskan kepada aktiviti-aktiviti seperti meletakkan paip, membina quarters dan lain-lainnya. Antah Biwater mestilah mengiklankan di suratkhbar tempatan semasa memanggil tender supaya semua kontraktor-kontraktor berkeelayakan dapat peluang turut serta. Status bumiputera mestilah diakui oleh Pusat Khidmat Bumiputera, terutamanya mereka yang mempunyai rekod kerja yang baik. Spesifikasi barang-barang seboleh-bolehnya eloklah mengikut standard Malaysia untuk menggalakkan penggunaan lebih banyak bahan tempatan dan tidak terlalu mengikut spesifikasi baru yang condong kepada pengeluar sesuatu negara asing.

Oleh kerana kontraktor-kontraktor juga menghadapi kesukaran harga yang diberikan kepada kontraktor-kontraktor hendaklah pada harga yang adil dan sesuai di samping pembayaran kemajuan yang mengikut jadual.

Tuan Yang di-Pertua, berkisar kepada projek air juga, saya rasa bimbang sedikit kerana nilai projek yang diperolehi oleh bumiputera pada tahun 86 adalah \$18.82 juta iaitu kira-kira 23.6% daripada

kontrak yang dikeluarkan. Saya berharap nilai ini tidak akan menggambarkan nilai kontrak tahun 1987/1988 yang akan diberikan kepada syarikat-syarikat bumiputera. Walaupun baru-baru ini Timbalan Menteri Kerjaraya sudah menjawab mengapa kekurangan ini dengan mengatakan kecenderongan pemborong bumiputra tidak ada sangat kepada kerja bekalan air tetapi yang mana saya rasa jawapan itu secara sambil lalu sahaja tidak begitu mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, terlanjur saya membincangkan mengenai peruntukan kepada Kementerian Kewangan, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada beberapa usaha kewangan Kerajaan bagi membantu usahawan-usahawan di sektor swasta, terutamanya mengenai Tabung Pelaburan dan Tabung Pusingan (Revolving Fund). Pada beberapa hari yang lalu, kita semua telah sama-sama membincangkan mengenai Akta Penubuhan Tabung Kewangan Amanah Negara. Saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan kerana telah mempunyai pandangan jauh kepada matlamat-matlamat ekonomi, generasi 10 tahun yang akan datang. Kita semua berharap pandangan-pandangan Ahli Dewan telah diambilkira bagi memperbaiki perlaksanaan Tabung Amanah yang besar jumlahnya **itu**. Tetapi di sini saya ingin menyentuh mengenai Tabung-tabung yang lain. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menubuhkan tabung pelaburan baru pada awal tahun 1986, bernilai \$1 bilion. Daripada soalan saya di Dewan ini pada bulan Desember, 1986, Menteri Kewangan di dalam Jawapan Mulutnya telah menyatakan sehingga Disember 1986, 182 permohonan pinjaman, berjumlah \$541 juta telah diluluskan yang melibatkan pembiayaan 139 projek di mana jumlah kos pelaburan sebanyak \$1,208 juta. Tumpuan utama adalah di sektor pembuatan dengan \$347.4 juta dengan 110 permohonan. Keduaanya, sektor pertanian sejumlah \$183 juta dengan 38

permohonan diikuti oleh sektor pelancongan sebanyak \$10.6 juta dengan 4 permohonan. Setahu saya, skim tabung pelaburan baru ini juga telah diluaskan ke sektor perlombongan. Sekali lagi saya berasa amat kecewa kerana sektor pembinaan telah juga di-tinggalkan di bawah skim ini. Oleh itu, saya ingin menarik perhatian Kerajaan kepada cadangan penubuhan Tabung Pusingan yang bernilai \$500 juta untuk membantu syarikat-syarikat yang tenat akibat kemelesetan ekonomi sekarang ini. Pertamanya saya mengucapkan syabas dan terima kasih di atas tindakan Kerajaan menubuhkan tabung ini bagi menyelamatkan syarikat-syarikat dimaksudkan. Walaupun di peringkat ini di pihak perancangan tetapi saya percaya Bank Governor dan juga pegawai-pegawai Kerajaan lain tengah sebok membincangkan perkara ini yang mana akan diambil keputusan tidak berapa lama lagi. Keduaanya, jumlah tabung ini dianggap tidak mencukupi dan disarankan supaya nilainya ditambah mengikut keadaan dan keperluannya.

Saya pula sangat-sangat berharap sebahagian besar daripada tabung ini akan digunakan untuk membantu usahawan-usahawan bumiputera yang benar-benar memerlukannya dan sebahagian besarnya kepada kontraktor-kontraktor bumiputera. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi di sektor-sektor yang lain sudah banyak dibantu tetapi sektor ini masih lagi dalam ketinggalan. Saya ingin memberikan beberapa pandangan mengenai tabung ini. Pertamanya, syarikat-syarikat yang perlu dibantu -ialah syarikat-syarikat yang mengalami kesulitan kewangan disebabkan kemelesetan ekonomi. Syarikat-syarikat itu pula

hendaklah yang sedang mengusahakan projek-projek yang berdaya maju seperti syarikat-syarikat pembinaan yang mendapat tawaran kontrak pembinaan dan bekalan atau perkhidmatan dari Kerajaan. Syarikat-syarikat itu juga mestilah mempunyai rekod kerja yang baik, termasuk syarikat-syarikat kontraktor yang telah dapat menyiapkan kerja masing-masing dengan memuaskan serta menguntungkan

Syarikat-syarikat begini tentulah telah mempunyai pasukan pengurus yang cekap dan berkebolehan. Begitu juga sektor pemaju yang terperangkap dengan pasaran yang lemah. Mengenai syarat-syarat dan pengeluaran pinjaman-pinjaman hendaklah dikeluarkan tanpa menekan kepada cagaran tetapi kepada projek-projek berdaya maju yang diperolehi dan pengeluaran pinjaman dapat diproses dengan segera. Kadar faedah yang akan dikenakan dicadangkan kepada kadar yang rendah, iaitu kira-kira 5% atau 6%. Syarikat-syarikat yang layak mendapat pinjaman dari punca ini dicadangkan dihadkannya kepada syarikat-syarikat yang tidak disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur kerana mereka ini berkeupayaan untuk mendapat 'corporate fund' daripada badan institusi kewangan yang lain.

Ketiganya, yang merupakan aspek penting kepada perbelanjaan tabung ini ialah pentadbirannya. Saya ingin mencadangkan supaya panel induk ditubuhkan sebagai pemegang amanah dan sekaligus bertindak sebagai pengawas kepada pentadbiran tabung. Panel ini boleh terdiri dari pegawai-pegawai tinggi Kementerian Kewangan berkenaan, wakil-wakil dari bank dan wakil-wakil dari swasta seperti wakil Dewan-dewan dan Persatuan-persatuan Perniagaan. Untuk membantu panel ini menjalankan pentadbiran hariannya eloklah diserahkan kepada sekretariat yang ditubuhkan khas kepada bank-bank saudagar atau keutamaan yang diberi kepada syarikat-syarikat audit atau akauntan mengendalikannya.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah berkali-kali saya timbulkan dan saya tetap mengulangi, iaitu tindakan bank-bank ke atas usahawan-usahawau yang gagal membnyar pinjaman-pinjaman bank. Sungguhpun kita mengetahui kedudukan kesnlitan bank-bank dalam masalah ini, saya berharap pihak bank akan memikirkan juga kerumitan

yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha semasa kemelesetan ekonomi **ini**. Kerumitan yang sedia dihadapi oleh peminjam-peminjam telah dibebankan dengan tindakan-tindakan mahkamah secara mendadak menyebabkan ramai pengusaha yang keluh-kesah dan serba salah di samping berusaha untuk terub hidup dalam perniagaan, fikiran mereka terus dirasuk oleh tindakan-tindakan drastik bank yang sebelum ini sangat 'friendly' tetapi sekarang telah hilang perasaan muhibah mereka.

Saya ingin mencadangkan, pertamanya supaya memberikan 'moratorium' dengan raembekukan serta-tnera tindakan ke atas peniaga-peniaga perseorangan bumiputera daa syarikat-syarikat ekuitinya 100% dipegang oleh bumiputera yang menghadapl masalah menjelaskan tanggungan masing-masing. Kednanya, menghapuskan semua faedah terhadap peminiam-perainjam bumiputera yang diberi moratorium itu tadi dan menjadualkan semua bayaran balik pinjaman. Saya juga ingin mencadangkan supaya clause jaminan 'jointly and severely guaranteed' dihapuskan. Amalan yang serupa ini tidak pun diamalkan lagi dt negara-negara maju. Di samping itu, pihak bank diminta mengkaji semula polisi dan syarat-syarat pemberian pinjaman bagi membantu dan memudahkan peniaga dan kontraktor bumiputera mendapat kemudahan pinjaman bagi memastikan pelaksanaan cadangan ini.

Saya ulang balik, mengapa 'jointly and severally guarantee' ini dihapuskan, oleh kerana banyak ahli-ahli Wakil-wakil Rakyat dan juga orang-orang yang aktif dalam Dewan-dewan kadang-kadang memberi jaminan kepada ahli-ahlinya dan pengikut-pengikutnya yang mana mereka tidak terlibat secara langsung dalam perniagaan mereka tetapi tak semena-mena apabila keadaan ekonomi ini rosak, mereka ini didakwa ke mahkamah dan dibankrapkan, Cadangan tersebut saya

berharap pihak bank akan menubuhkan satu Jawatankuasa Pemulihan yang benar-benar berfungsi, berkemampuan dan berkuasa membantu peniaga-peniaga yang menghadapi kesulitan.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada Kementerian yang mendapat peruntukan terbesar ialah Kementerian Pertahanan. Saya banyak bercakap soal pemborong dan soal orang peniaga dan sekarang saya menyentuh soal pertahanan yang mana satu cuba dengan seberapa ringkas Kementerian Pertahanan diberi peruntukan sejumlah \$2,287,600,000. Ini adalah peruntukan kedua besarnya selepas Kementerian Pendidikan dalam Belanjawan 1988. Keselamatan adalah elemen penting kepada sesuatu negara. Kedaulatan negara ini banyak bergantung kepada mempertahankan maruah negara dari pencerobohan negara-negara asing. Sungguhpun kemungkinan ini adalah kecil kerana niat pencerobohan secara besar-besaran bagi tujuan penaklukan tidak mungkin terjadi tanpa sesuatu tanda yang nyata, walau bagaimanapun, negara tidak boleh 'sambil lewa dalam masalah keselamatan ini. Pergolakan kuasa-kuasa besar di Asia boleh menjejaskan kestabilan rantau Asia Tenggara. Penguatan kuasa udara dan laut Soviet, di Vietnam, Amerika di Filipina serta minat negara-negara sekutu masing-masing akan tetap menjejaskan keselamatan negara ini. Kita mesti sedar negara yang tidak memiliki kekuatan pertahanan biasanya akan menjadi sasaran. Kita juga tidak tahu niat pihak luar ke atas negara kita dari masa ke semasa.

Sejarah peperangan di Asia Barat menunjukkan kekuatan pertahanan sebuah negara kecil dapat mengalahkan negara-negara Arab yang tidak bersatu. Kita tidak mahu pengalaman Asia Barat menjadi contoh sejarah berulang di Asia Tenggara. Saya minta Kementerian Pertahanan akan mengkaji kekuatan dan kelemahan-kelemahan angkatan

bersenjata kita sesuai dengan keadaan masa. Kemampuan kita perlu dipertingkatkan walaupun di dalam keadaan kemelesetan sekarang ini.

Saya pasti negara kita telah merumus dasar pertahanan yang baik dan sesuai. Kita mempunyai jentera keselamatan yang menjalin dari peringkat negara hingga peringkat kampung. Kalau mengikut susunannya, dari atas ialah Majlis Keselamatan Negara, Jawatankuasa Keselamatan Negeri di peringkat Negeri, Jawatarikuasa Keselamatan Daerah di peringkat Daerah dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, begitu hirikinya. Walaupun perkara iui telah ditimbulkan beberapa kali dan telah dijawab oleh Menteri berkenaan, tetapi saya masih belum puas hati lagi.

Saya berasa bimbang sama ada jentera ini perlu dipertingkatkan kewaspadaannya memandangkan satu peristiwa yang berlaku yang mana disebut banyak kali yang anggota pasukan bersenjata negara jiran telah memasuki perairan negara kita tanpa dapat dikesan. Saya tidak memandang remeh dan ringan perkara ini kerana walaupun bukan sebagai satu ancaman secara serius, tetapi seolah-olah maruah negara kita sering dicabar. Bilangan yang kecil juga boleh membuat kemusnahan yang besar seperti perbuatan khianat kepada sasaran-sasaran penting mewujudkan 'supply line' atau menubuhkan 'contact'. Berita ini hanya sampai ke pengetahuan Kerajaan apabila ianya tersiar di akhbar-akhbar selepas 3 atau 4 hari kejadian itu berlaku, bukan immediate. Jika keadaan seperti ini berterusan, saya khawatir satu angkatan lebih besar boleh menyusup tanpa dikesan akibat kurangnya kesedaran keselamatan di kalangan Kerajaan dan rakyat. Berita-berita seperti ini mesti segera dikesan oleh rakyat dan juga oleh agensi-agensi keselamatan. Kita berharap kerjasama di antara rakyat dan pasukan keselamatan akan sentiasa terjalin erat demi kepentingan dan keselamatan negara.

Baru-baru ini saya terbaca di sebuah akhbar bahasa Inggeris bertarikh 20hb November, 1987 bertajuk "Singapore's Formidable Arm in the sky". Rencana ini menggambarkan kekuatan udara negara jiran dengan teknologi terbaru pertahanan udara. Pada 24hb November, 1987 pada sebuah akhbar berbahasa Malaysia melaporkan Panglima Tentera Udara Malaysia sebagai berkata, "Jangan Gentar Dengan Kekuatan Angkatan Udara Jiran". Kedua-duanya seolah-olah ada hubungkait. Satu sistem pertahanan udara yang sophisticated dengan kapalterbang pejuang yang paling moden dan sistem radar yang juga termoden di rantau ini sudah pasti dapat mempertahankan kedaulatan sesebuah negara itu. Kita akan bertanya untuk apa kita mempunyai kekuatan tentera jika kita tidak ada niat 'expansionism' untuk berkembang. Mungkin juga untuk tujuan meyakinkan pelabur-pelabur yang negara itu selamat untuk pelaburan tetapi tentu kita fikirkan pelik jika sesebuah negara kecil mempunyai sistem radar pengesan awal, dalam bahasa Inggerisnya "Airborne Early Warning E2C Hawkeye" yang boleh mengesan sehingga 200 batu di mana di dalam konteks negara kita kapal-kapal pejuang kita dapat dikesan semasa berangkat di Kuantan. Ini memberikan 'advantage' masa kepada sesuatu kekuatan udara.

AEW ini juga boleh bertindak sebagai 'radar jamnier', dia boleh jemkan radar kita, yang boleh mematikan isyarat-isyarat radar-radar pihak musuh.

Berdasarkan kepada faktor-faktor ini, saya berharap pihak Kerajaan kita mesti sensitif kepada keperluan pertahanan kita. Mana-mana peruntukan yang telah diperuntukkan, sama ada peruntukan bekalan atau pembangunan hendaklah dibelanjakan secara bijak dan berkesan supaya tidak timbul apa-apa rungutan untuk membeli alat kelengkapan dan spare-parts pun terpaksa ditangguhkan ke tahun berikutnya sedangkan peruntukan telah diluluskan.

Di samping itu, kerjasama di antara pegawai-pegawai awam Kerajaan dengan ketiga-tiga cawangan Angkatan Tentera kita perlu dipereratkan supaya masing-masing memahami masalah jabatan-jabatan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, pantai negara kita adalah amat panjang dan tidak mungkin dapat dijaga setiap inci pada setiap masa. ini jelas dari pendaratan pendatang-pendatang haram Vietnam, Indonesia dan Filipina. Kita tidak boleh mengharapkan seratus peratus perondaan tentera laut atau rondaan-rondaan udara tetapi penduduk-penduduk yang tinggal di kawasan pantai hendaklah berwaspada dengan kesedaran keselamatan yang tinggi. Kita tidak tahu pendaratan-pendaratan yang tidak dapat dikesan yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Program-program keselamatan dan pembangunan (KESBAN) di kawasan-kawasan tertentu - ini hendak urbanisekan kampung-kampung di mana banyak kes-kes pendaratan sepanjang pantai perlu digiatkan iaitu program-program keselamatan dan pembangunan yang dinamakan KESBAN itu dipergiatkan lagi dengan membangun dan membandarkan kawasan-kawasan tersebut.

Saya berpendapat peruntukan-peruntukan Kementerian Pertahanan pada tahun hadapan dan tahun-tahun yang lalu akan dan telah dibelanjakan dengan begitu bijak dan berkesan. Oleh kerana Laporan Audit bagi tahun 1985 dan 1986 belum dapat saya mengakajinya, maka tidaklah dapat fakta-fakta perbelanjaan itu saya ketengahkan, tetapi rasa-rasa saya, banyak yang belum dibelanjakan.

Saya pasti Kerajaan telah mengambil berat kepada soal kebajikan anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita terutamanya skim perumahan mereka. Walaupun satu kejadian tidak boleh menggambarkan keseluruhan sesuatu masalah, kes Prebet Adam yang telah menggemparkan negara baru-baru ini menunjukkan wujud kekecewaan di kalangan anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita. Kejadian ini perlu perhatian serius oleh Kerajaan dan satu kajian yang menyeluruh perlu dibuat terhadap anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita yang mendapat latihan-latihan khas seperti para komando dan anggota-anggota intelligent. Mereka ini terdedah kepada berbagai cabaran selepas tamat perkhidmatan dan Kerajaan perlu memastikan mereka tidak terjebak kepada masalah yang boleh menjejaskan keselamatan negara.

Perkara-perkara yang boleh demoralise - merendahkan moral, dengan izin, Angkatan Bersenjata kita seperti extremism, keagamaan atau penagihan dadah perlu mendapat perhatian serius pihak Kementerian Pertahanan.

Saya dapati juga skim gaji baru anggota-anggota Pasukan Keselamatan akan lebih rendah. Dengan kos kehidupan yang bertambah, tanggagaji baru ini akan mengakibatkan kerjaya tentera tidak menarik minat, menyukarkan pengambilan, dan seterusnya mengurangkan gunatenaga di dalam Angkatan Bersenjata. Kerajaan tentu mempunyai muslihat-muslihat tertentu di atas kajian tanggagaji baru dan rasional-rasional itu perlu diketahui umum.

Satu aspek lagi yang kena mengena dengan pertahanan, tetapi telah tidak diambil berat ialah pertahanan awam (civil detence). Sungguhpun kita telah ada dasar pertahanan awam, tetapi kerjasama antara Kementerian-kementerian terlibat jarang dapat dilihat di dalam pengendalian koktrin strategik di. bidang pertahanan awam.

Pertahanan awam tidak sahaja bererti. penggunaan tenaga awam semasa peperangan bagi. membantu Pasukan Keselamatan, tetapi. usaha-usaha pertahanan awam semasa aman juga perlu dilaksanakan. Pada pandangan saya terdapat aspek pertahanan awam ketika aman terutama persediaan menghadapi perjuangan peperangan. Kedua-duanya adalah semua usaha-usaha di masa aman yang boleh digunakan untuk menambah pengaruh atau tekanan kepada penentang yang berpotensi atau pihak ketiga. Faktor kedua ini selalunya melibatkan dasar luar negara.

Secara konsepnya pertahanan dan deterrence, dengan izin, saling berhubung-kait, Saya masih belum mendapat satu istilah yang tepat erti deterrence, tetapi dari kamus bahasa diertikan sebagai. melemahkan, mencegah atau menghalang. Elemen penting deterrence ketenteraan ialah memberitahu dengan jelas kepada musuh yang bukan sahaja mereka tidak boleh menang dengan dasar aggression, tetapi secara positifnya pasti kalah, hilang kawalan ke atas pasukan-pasukan tentera mereka atau menghadapi tentangan dari sekutu-sekutu mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita sepatutnya mempunyai sedikit perasaan curiga ke atas pengembangan ketenteraan negara jiran terdekat yang memainkan kempen-kempen psikologi bermaksud sedemikian seperti yang telah saya sebutkan terawal daripada itu.

Pembekal-pembekal senjata hanya mementingkan penjualan hardware mereka sahaja tetapi negara-negara berjiran harus memikirkan sensitiviti. negara-negara terdekat yang mungkin menggalakkan perlumbaan senjata di rantau ini..

Oleh itu, saya ingin menyarankan menerusi saluran-saluran diplomatik kita supaya mengingatkan pembekal-pembekal senjata supaya memikirkan juga sensitiviti negara-negara jiran apabila senjata-senjata sophisticated itu dijual di negara jiran yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu agensi yang penting di dalam perkhidmatan Kerajaan kita ialah penerangan. Kementerian ini telah diperuntukkan sejumlah \$225,533,740 pada Belanjawn 1988. Secara khususnya, saya ingin meneroka dan menyentuh beberapa masalah Jabatan Penerangan yang saya anggap perlu mendapat perhatian Kementerian. Kita ketahui 85% daripada sasaran rakyat diliputi oleh radio dan televisyen dan 15% lagi oleh Jabatan Penerangan secara bersemuka, atau face to face communication, dengan izin. Cara ini adalah amat berkesan bagi menyampaikan dasar-dasar Kerajaan menerusi kegiatan-kegiatan sivik dan dibantu oleh kemudahan-keindahan media, slide, film dan leaflets.

Tetapi saya ketahui Jabatan Penerangan sekarang bergerak di atas strength 65%. Kerja-kerja penerangan untuk menyampaikan dasar-dasar Kerajaan tentulah bukan sesuatu yang mudah. Kekurangan kakitangan ini menyebabkan dasar-dasar Kerajaan lambat diterima oleh rakyat terutamanya di kawasan-kawasan terpencil.

Keadaan ini bertambah buruk kerana di dalam skim Pendimas atau pendidikan masyarakat, jabatan ini kekurangan alat-alat seperti kenderaan dan alat-alat siarannya. Di Sabah dan Sarawak misalnya, kawasan-kawasan terpencil dihubungi dengan pengangkutan sungai. Kekurangan bot dan enjin motor sangkut sudah pasti. menjejaskan prestasi pegawai-pegawai. penerangan dan daerah-daerah pedalaman.

Seingat-singat saya, sejak tahun 1982 lagi iaitu ketika Yang Berhormat Dato' Mohamed Rahmat menjadi Menteri Penerangan, Kementerian ini telah memperkatakan mengenai penubuhan Institut Hubungan Awam (ILHAM). Institut ini penting bagi melatih kakitangan Kerajaan mengenai segala dasar Kerajaan dan menggunakan cara dan pendekatan penyampaian penerangan dengan berkesan. Saya hanya ingin tahu sahaja kenapakah- agaknya sehingga ini, institut ini. masih belum ditubuhkan lagi?

Saya pernah membaca buku-buku kecil terbitan Jabatan Penerangan yang mengandungi penerangan mengenai dasar-dasar Kerajaan atau ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin negara. Saya mendapat tahu penerbitan ini hanyalah sebanyak 1% dari jumlah bilangan penduduk negara ini. Tentulah agaknya pengedarannya tidak menyeluruh sedangkan Kerajaan mahukan seberapa ramai rakyat membaca dasar-dasar Kerajaan. Elok agaknya penerbitan ini ditambah supaya dapat dibaca oleh sekurang-kurangnya 10% rakyat negara ini.

Di samping itu, saya berharap Kementerian Penerangan akan terus menjalankan kempen-kempen nasional seperti penyalahgunaan dadah, kemalangan jalanraya, rogol dan orang hilang. Keempat-empat perkara ini nampaknya telah menambah bilangan kematian pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perdana Menteri telah diperuntukkan sejumlah \$1,470,573,090 bagi tahun 1988, peruntukkan yang kelima besarnya.

Di awal-awal tadi, saya telah menyarankan R & D di bidang pembinaan, tetapi berikut ini. saya bercadang membincangkan beberapa institusi R & D yang saya anggap penting kepada kemajuan sains dan teknologi di negara ini.

Saya ingin menyentuh beberapa agensi yang kena mengena dengan penyelidikan dan pembangunan R & D misalnya Unit Tenaga Nuklear di peruntukkan jumlah 145.1 juta dan Mimos (Institut Sistem Mikro Elektronik Malaysia) sebanyak \$4.1 juta. Dalam perkara yang sama, jumlah \$90 juta akan diperuntukkan untuk R & D kepada institut-institut dan universiti-universiti di bawah Rancangan Malaysia Kelima.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima juga pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga telah diperuntukkan bagi menubuhkan "Science Park" untuk tujuan penyelidikan yang akan didirikan di kawasan Serdang. Saya agak musykil juga kerana di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, terdapat Majlis Penasihat Penyelidikan di mana saya difahamkan yang juga menyelaras semua tugas-tugas R & D. Saya berharap semua kerja-kerja R & D semua Kementerian dapat diselaraskan secara berkesan kerana menurut pandangan saya sungguhpun wujudnya Majlis Penasihat Penyelidikan, tetapi tidak aktif dan tidak menjalankan fungsi-fungsi secara

berkesan seperti menerima dan mengumpul segala maklumat-maklumat mengenai R & D. Kerajaan telah memperuntukkan jumlah wang yang besar kepada R & D iaitu sejumlah \$624.3 juta bagi Rancangan Malaysia Keempat dan Rancangan Malaysia Kelima, pulangan yang didapati mestilah setimpal dengan perbelanjaan yang dikeluarkan, bukan sekadar habis kepada pembayaran gaji pakar-pakar sahaja atau pembelian alat-alat teknologi. tinggi yang akhirnya tidak digunakan secara berkesan.

Sungguhpun galakan kerja R & D di institusi-institusi pengajian tinggi disokong, tetapi pihak Kerajaan hendaklah memastikan universiti-universiti berkenaan mempunyai perancangan awal untuk kerja-kerja penyelidikan dan tidak sekadar menyerahkan sejumlah wang untuk R & D yang akhirnya dibelanjakan mengikut keutamaan yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Bahagian Wilayah Persekutuan di Jabatan Perdana Menteri, saya dapati usaha-usaha pengawalan setingan di Wilayah Persekutuan telah mendapat kejayaan. Pada tahun 1978, bilangan keluarga setingan seramai 48,709 keluarga, dengan jumlah penduduk setingan seramai 243,154 orang. Pada tahun 1983, bilangan dikurangkan menjadi 43,420 keluarga dengan jumlah penduduk seramai 216,267 orang dengan pengurangan sebanyak 11.3%. Pada tahun 1986/1987 bilangan keluarga setingan menjadi 39,809 keluarga dengan jumlah penduduk seramai 199,082 orang. Kadar penurunan bilangan setingan berbanding tahun 1983, berkurangan sebanyak 2.2%.

Pada masa ini masih lagi terdapat kawasan-kawasan setingan yang perlu dimajukan. Saya pasti penduduk-penduduk setingan telah menerima realiti kehidupan di bandar dan bersedia tinggal di rumah-

rumah kos rendah, rumah-rumah pangsa yang lebih selesa dan rumah-rumah panjang. Sungguhpun terdapat kawasan-kawasan yang telah dimajukan seperti bandar baru Sentul, Cheras, Setapak, Gombak, Wangsa Maju tetapi masih ada lagi kawasan-kawasan yang perlu pembebaan seperti Kampung Haji, Abdullah Hukum, Pantai Dalam, Kampung Kerinci dan kawasan-kawasan berhampiran Angkasapuri, Kawasan-kawasan penempatan ini perlu dimajukan bagi penduduk-penduduk tempatan. Sungguhpun masalah setinggan ini tidak dapat dihapuskan sekali gus dalam jangka masa pendek, usaha-usaha pengawalan sekarang patut mendapat pujian dan saya berharap lebih ramai lagi orang-orang Melayu yang akan berhijrah bagi menikmati kemudahan-kemudahan dan kehidupan di bandar Kuala Lumpur ini.

Di samping itu, di kawasan setinggan yang sedia ada, taraf kesihatan penduduk-penduduk adalah rendah. Masih terdapat banyak kematian bayi dan nilai pemakanan yang rendah mutu menyebabkan kadar penyakit cacing yang tinggi di kalangan kanak-kanak juga orang-orang dewasa.

Pihak Jabatan Perdana Menteri hendaklah meneliti perkara ini dan kalau dapat menyediakan kemudahan-kemudahan asas dan perkhidmatan kesihatan yang diperlukan.

Pendidikan anak-anak setinggan juga perlu mendapat perhatian Kerajaan. Anak-anak setinggan pun sekarang telah banyak yang berjaya mendapat pendidikan menengah dan universiti. Saya rasa apa yang sangat diperlukan ialah public library dan asrama anak-anak setinggan dapat didirikan bagi membantu ibu bapa yang tidak mampu di samping meninggikan taraf pelajaran anak-anak setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, sektor yang kedua pentingnya ialah sektor swasta yang berorientasikan eksport terutamanya elektronik dan tekstil, Setahu saya, pihak Kerajaan telah mengemukakan berbagai-bagai strategi bagi memperbaiki pertumbuhan sektor swasta menerima pelan induk perindustrian seperti melonggarkan peruntukan Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 dan memperkenalkan galakan-galakan baru khususnya untuk eksport di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 untuk mewujudkan iklim pelaburan yang baik. Kerajaan juga menubuhkan pasukan-pasukan petugas untuk tiap-tiap sub-sektor industri sebagai usaha pembantu industri-industri berkenaan.

Pada Belanjawan tahun ini, Kerajaan telah menghapuskan 3% Excess Profit Tax dan bayaran secara ansuran cukai pendapatan sebagai insentif kepada korporat. Saya mengalu-alukan usaha Kerajaan ini di samping menyarankan supaya ianya akan benar-benar memberi faedah kepada sektor swasta meningkatkan produktiviti,

Saya ingin tahu setakat manakah kemajuan pelan induk perindustrian yang telah dilancarkan pada awal 1986 kepada perturbation industri di negara ini. Satu aspek yang terlibat secara langsung dengan perkembangan industri ialah industri-industri kecil dan menengah. Memandangkan bukan semua pengusaha kecil dapat bertanding untuk maju ke tahap industri pertengahan dan berat, Kerajaan perlu bersikap memilih menentukan bidang perusahaan yang perlu diceburi oleh pihak swasta untuk menjamin industri berkenaan dapat berkembang maju.

Untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, sektor industri kecil telah memberi sumbangan besar kepada Keluaran Dalam Negera Kasar dari 10% pada tahun 1964 kepada 20,5% dalam tahun 1980. Pada tahun 1971 hingga 1980 kadar pertambahannya pada 1L% tetapi, agak perlahan dalam tempoh kemelesetan, pada 4,4% sahaja. Industri kecil dan menengah ini akan menjadi industri pembantu kepada industri berat kelak, Di dalam hal ini 300,000 usahawan kecil kita yang menyumbang 15% pekerjaan boleh menjadi pelengkap kepada gagasan perindustrian negara secara keseluruhannya.

Saya ingin menyarankan supaya satu pelan induk perusahaan kecil dan menengah diadakan bagi menunjukkan perhatian berat Kerajaan kepada bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, perbincangan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini berjalan dengan sempurna seolah-olah tidak wujudnya apa-apa kekurangan. Tetapi jika Ahli-ahli Yang Berhormat mengikuti perkembangan tentang Devman kita **ini**, beberapa waktu yang lalu, berbagai kontraversi dan khabar-khabar angin tidak berasas telah tersebar raernperkatakan kewibawaan dan maruah Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan. Kepada saya kejadian ini mencabar kewibawaan kita semua dan berupa sesuatu yang amat malang pernah berlaku kepada Dewan ini setelah negara kita merdeka selama 30 tahun. Ahli-ahli masyarakat akan tetap mempunyai prasangka buruk terhadap Dewan ini jika sesuatu penerangan terhadap prestasi Dewan ini tidak diterapkan ke dalam pemikiran Ahli-ahli masyarakat, Ahli-ahli politik dan pegawai-pegawai Kerajaan.

Sungguhpun perkara ini tidak ada kena mengena dengan Belanjawan 1988, tetapi saya mengambil kesempatan ini untuk menyarankan supaya Ahli-ahli Dewan ini mengambil ketetapan cara mana yang terbaik untuk Ahli-ahli Dewan boleh bertindak supaya Dewan ini benar-benar mendapat penghormatan dan Ahli-ahlinya dihargai keupayaan mereka sebagai penyumbang yang berkesan di dalam Dewan Negara.

Jika pihak Kerajaan sendiri berasa memaag wujudnya kekurangan keberkesanan, eloklah Ahli-ahli Yang Berhormat semua, sama-sama berbincang dengan menyampaikan perasaan kita semua menerusi saluran-saluran tertentu. Eloklah kita sependapat di dalam perkara ini supaya tidak lagi wujud polimik yang berlarutan yang setiap kalinya terus menjejaskan maruah Dewan dan Ahli-ahlinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara yang penting iaitu Dasar Ekonomi Baru selepas 1990. Kemelesetan ekonomi negara yang dialami sejak beberapa tahun yang lalu telah mempengaruhi pelaksanaan program-program pembangunan Kerajaan termasuk program-program penyusunan semula masyarakat di bawah Dasar Ekonomi Baru. Berdasarkan kepada prospek ekonomi negara yang tidak begitu menggalakkan, bahagian bumiputera dalara sektor syarikat dianggarkan mencapai kira-kira 20% sahaja menjelang tahun 1990 sebab pertumbuhan ekonomi yang rendah, kemelesetan dan sumber-sumber Kerajaan yang terhad.

Bagi menghadapi suasana yang tidak menggalakkan ini Kerajaan perlulah membuat beberapa penyesuaian kepada strategi dan program-program penyusunan semula masyarakat, khasnya strategi pemilikan sektor syarikat, ke arah memastikan supaya kegiatan ekonomi terus berkembang serta dapat menghasilkan peluang-peluang penyertaan yang baru, menggalakkan pelaburan swasta termasuk pelaburan asing.

Proses penyusunan semula masyarakat dapat diteruskan dengan pertumbuhan ekonomi negara yang pesat. Golongan bumiputera mestilah mempunyai inisiatif untuk memajukan diri sendiri tanpa terus mengharap bantuan dan peluang-peluang dari Kerajaan. Saya ingin menyarankan kepada Kerajaan supaya selagi taraf ekonomi bumiputera masih belum tercapai secara memuaskan, Dasar Ekonomi Baru ini mesti diteruskan walaupun di dalam bentuk yang lain. Kita tidak mahu terjadi seperti "ayam mati dikepok, itik mati kehausan di kolam,"

Kita berpendapat Belanjawan tahun ini dan dalara Belanjawan 1986 - 1990, dalam tempoh perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru, sektor luar akan diberi perhatian serius. Perhatian yang berat ini adalah sangat wajar kerana 3 sebab utama:-

Pertamanya sektor pertanian melibatkan lebih dari 35% daripada seluruh gunatenaga negara.

Keduanya sektor ini memberi sumbangan yang besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar iaitu lebih daripada 2% dan;

Ketiganya dan paling penting, sektor ini merupakan pusat tumpuan kemiskinan. Negara kita mempunyai Dasar Pertanian Negara yang melengkap aspek-aspek pertumbuhan pertanian negara.

Saya berpendapat beberapa strategi perlu ditekankan bagi mencapai matlamat di atas. Pertamanya menguatkan penyelidikan mekanisasi ladang supaya kadar produktiviti tiap-tiap pekerja ladang meningkat. Saya menekankan kepada penyelidikan mekanisasi kerana aspek yang begitu penting ini tidak diberi keutamaan yang tinggi oleh agensi-agensi yang dipertanggungjawabkan menjalankan penyelidikan. Sektor pertanian negara ini mempunyai sokongan penyelidikan yang begitu besar terdiri dari MARDI, RRI, PORIM dan lain-lain tetapi malangnya temuan-temuan baru yang benar-benar berkesan jarang dapat dinikmati oleh golongan-golongan ini.

Agensi-agensi ini perlu memikirkan bagaimana penemuan-penemuan mereka dapat disampaikan sehingga ke peringkat paling rendah supaya penemuan-penemuan tidak banyak habis di bilik makmal.

Keduanya, menyediakan skim pinjaman khas yang membolehkan petani-petani yang berminat terus kekal di dalam sektor pertanian supaya dapat membeli tanah-tanah pertanian bagi menambah keluasan ladang mereka. Saya sedar syor-syor ini bukan mudah dilaksanakan tetapi saya berharap pihak Kementerian akan memberikan perhatian sewajarnya.

Di sini saya ingin menarik perhatian Dewan kepada salah satu strategi penting untuk membasmi kemiskinan masyarakat tani menerusi gerakan koperasi. Strategi ini penting untuk membawa kemajuan di sektor petani-petani kecil. Bagi maksud ini saya berharap dasar ini akan mempertingkatkan produktiviti pertanian, menambah mekanisasi ladang, cara-cara pertanian moden dan mengurangkan kebergantungan kepada hasil-hasil pertanian diimport dari luar negeri terutamanya bahan-bahan makanan yang dianggarkan lebih 3 billion ringgit setahun.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat oleh kerana sektor pertanian merupakan tempat pergantungan sebahagian besar rakyat di negara ini, saya ingin menyentuh prestasi Kementerian ini di mana peruntukan Belanjawan 1988 berjumlah \$1,409,857,120.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Laporan Separuh Penggal Malaysia Keempat menganggarkan 30,3% daripada 2.4 juta keluarga di negara ini adalah dari golongan miskin. Pada tahun 1980, kadar kemiskinan turun kepada 29%. Pada tahun 1984 misalnya kadar kemiskinan di kalangan penanam padi berjumlah 57.7% sementara di kalangan nelayan dan penoreh getah melebihi 40%. Perbandingan kadar ini menunjukkan bahawa kemiskinan masih wujud pada kadar yang tinggi, malah keadaannya mungkin bertambah buruk di dalam keadaan

kemelesetan sekarang ini.

Kemiskinan di sektor pertanian bukanlah sesuatu yang mudah dibasmikan, walau bagaimanapun Kerajaan tidak akan melupakan tanggungjawabnya kepada mereka.

Kepentingan sektor pertanian di dalam pembangunan ekonomi negara ini tidak boleh diperkecilkan. Dalam tahun 1970, sektor pertanian telah menyumbang 1/3 kepada Keluaran Negara Kasar dan memberi peluang 50% pekerjaan penduduk negara.

Dalam tahun 1983 sektor ini menyumbang 22.4% kepada Keluaran Negara Kasar dan 37% peluang pekerjaan. Golongan yang menjalankan pertanian ini sebahagian besarnya iaitu 70% mempunyai taraf ekonomi yang rendah dan hidup dalam keadaan serba kekurangan. Misalnya sektor pekebun kecil di negara ini merupakan sektor termiskin yang menghadapi masalah sosial dan ekonomi.

Saya ingin menyarankan supaya Kementerian dapat mengenalpasti segala penghalang utama di dalam memajukan sektor pertanian negara supaya matlamat membasmi kemiskinan dapat dicapai di samping proses pemodenan sektor yang penting ini terutamanya kepada kegagalan sektor pekebun kecil untuk maju ke hadapan bersama-sama dengan sektor ekonomi yang lain, di mana sektor pekebun kecil gagal mengalami transformasi struktur sesuai dengan kehendak ekonomi membangun yang mewajibkan produktiviti yang tinggi.

Saya perhatikan ada 3 sebab utama mengapa perubahan struktur pertanian negara ini tidak berlaku, ataupun berlaku secara yang amat perlahan. Pertamanya kita belum mempunyai teknologi yang benar-benar sesuai dan berkesan dengan keperluan tempatan. Kebanyakan

operasi pertanian masih bercorak intensif tenaga. Kita masih belum mempunyai teknologi yang benar-benar dapat mengurangi tenaga buruh dengan banyaknya di dalam operasi penanaman padi, menoreh getah atau kutipan kelapa sawit.

Keduanya, ialah ketidakupayaan pekebun-pekebun kecil memiliki kebun yang lebih luas terutamanya disebabkan harga tanah yang tinggi. Sungguhpun terdapat tanah-tanah yang ditinggalkan dan terbiar, petani-petani tidak dapat mengerjakannya.

Ketiganya, pelbagai subsidi yang diberikan oleh Kerajaan menjadikan seolah-olah operasi pertanian di kebun-kebun kecil itu menguntungkan. Oleh itu, petani-petani yang kecil ini tidak terasa terdesak untuk mengerjakan tanah yang lebih luas ataupun meneroka bidang lain.

Kerajaan telah menubuhkan sebuah badan berkanun yang dinamakan Lembaga Pertubuhan Peladati (LPP) yang tujuannya untuk memajukan kepentingan ekonomi, sosial dan kebajikan peladang-peladang. Pertubuhan Peladang di bawah LPP terdiri dari tiga peringkat iaitu:-

- (i) Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS);
- (ii) Pertubuhan Peladang Negeri (PPN); dan
- (iii) Pertubuhan Peladang Kawasan (PKK).

PKK yang ditubuhkan sejak 1969 merupakan peringkat yang terlibat secara langsung dengan petani-petani kecil.

Aktiviti-aktiviti PKK terbuka kepada ahli-ahli dan masyarakat peladang seluruhnya. Tetapi tidak semua peladang menggunakan sepenuhnya kemudahan yang disediakan. Pada 31hb Disember, 1986 hanya 40% sahaja iaitu daripada 647,000 keluarga tani cuma 246,984 keluarga yang mendaftarkan diri untuk menjadi ahli.

Setelah 15 tahun penubuhan PKK, tanya telah mencatatkan prestasi yang tidak sama di antara satu sama lain, ada yang maju, ada yang sederhana dan ada di tahap penutupan. Dari sejumlah 191 PKK, 18 berdaya maju, 150 sederhana dan 23 di tahap menyedihkan.

Kerajaan telah mengeluarkan perbelanjaan yang besar bagi menyediakan kemudahan-kemudahan termasuk pegawai-pegawai untuk mentadbir Pertubuhan Peladang. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga, LPP diperuntukan sebanyak \$32 juta dan Rancangan Malaysia Keempat \$26.4 juta. Pihak Kementerian diminta mengkaji apakah faktor-faktor yang menyebabkan prestasi yang rendah sedangkan peruntukan yang besar disediakan. Saya ingin bertanya ke manakah sasaran wang itu disalurkan. Jika PKK dapat ditajukan, ia menjadi alat yang benar-benar berkesan untuk membangunkan kawasan luar bandar.

Tuan Yang ,di-Pertua, saya minta maaf kepada Ahli-ahli Dewan yang hadir pada hari ini oleh kerana perkara-perkara yang akan saya tonjolkan dan setengah-setengah yang sudah saya katakan ini seolah-olah tiada hubungan dengan Belanjawan tahun hadapan. Tetapi saya berpandapat kestabilan, ketahanan dan pembangunan negara adalah amat penting untuk menyokong segala Belanjawan yang telah, sedang dan akan dibentangkan oleh Kerajaan.

Kita telah banyak mempelajari sejarah negara-negara yang telah musnah dan porak-peranda akibat tidak wujudnya kestabilan. Kalau

Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat lagi, pada tahun 1986 semasa membahaskan Belanjawati tahun tersebut, di peringkat akhirnya saya pernah menyentuh mengenai konsep ketahanan negara dan kestabilan negara. Saya berasa begitu sedih apabila setengah-setengah golongan masih memperkatakan setengah-setengah dasar yang telah dipersetujui semasa perumusan pencapaian kemerdekaan dan apa-apa yang telah dipersetujui di peringkat Kerajaan. Tetapi saya tetap akan mengulangi perkara ini oleh kerana agaknya kita perlu selalu diperingatkan untuk sesuatu perkara yang baik.

Baru-baru ini, Jabatan Perpaduan Negara telah mengumumkan konsep baru ketahanan negara untuk perpaduan yang dinamakan konsep padu. Konsep ini merangkumi satu hubungkait dasar yang menyeluruh meliputi ideologi nasional, ketahanan negara, pelbagai polisi Kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Pertanian Kebangsaan.

Ini sesuatu perkembangan yang membanggakan. Saya berharap jabatan berkenaan dapat menerangkan ideologi negara yang ada sekarang ini supaya tidak ada lagi tinggalan-tinggalan warganegara kita yang masih mempertikaikan dasar-dasar Kerajaan yang telah dipersetujui oleh semua kaum terdahulu daripada ini.

Saya beri misalan yang telah beberapa kali terjadi yang melibatkan sensitiviti berbagai kaum di negara ini. Kita semua sedar tenaga pemimpin masa hadapan datang dari pemuda-pemuda dan kanak-kanak yang raasih di bangku sekolah. Terkadang-kadang ibubapa dan pemimpin-pemimpin yang terlalu taksu kepada sentimen telah memperpolitikkan isu-isu yang melibatkan pelajar-pelajar yang tidak mengetahui apa-apa seperti memboikot sekolah-sekolah dan sebagainya. Saya ingin mengingatkan mereka, bahawa negara kita tidak dibuat seperti 'istana pasir', sekali air pasang sekali ia roboh.

Sepatutnya mereka ini patut berterima kasih kepada dasar-dasar Kerajaan yang telah menguntungkan mereka dan layanan yang lebih baik dari setengah negara jiran.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang usahawan dan sebagaimana masyarakat usahawan lainnya, perkembangan ekonomi negara memerlukan alam sekitar yang sesuai bagi suasana pelaburan dan keyakinan kepada pelabur-pelabur tempatan dan antarabangsa. Kita patut berbangga dengan segala usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan bagi menentang penganas komunis. Rakyat mengetahui Kerajaan mempunyai rekod cemerlang dalam menghadapi ancaman gerila dan subversif komunis dengan usaha-usaha peperangan saraf dan gerakan saraf yang telah dimajukan sehingga rakyat percaya bahawa tiada tempat bagi fahaman itu di negara ini.

Di dalam hal yang serupa, saya berharap Kerajaan akan menggunakan taktik dan strategi yang sama bagi menentang elemen-elemen anti nasional, golongan-golongan pelampau, penyebar khabar-khabar angin yang cuba merosakkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu sekali lagi saya menyokong Akta Perbekalan 1988 dan Anggaran Belanjawan 1988 yang dikemukakan di Dewan ini supaya diluluskan, Sekian, terima kasih,

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Tuan Tiong Hiew King.

6.15 ptg.

Tuan Tiong Hiew Ring: Tuan Yang di-Pertua, saya turut bangun dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 1988 yang dibentangkan baru-bacu tni. Akta ini bertujuan memberi kuasa berkanun bagi menggunakan sejumlah wang daripada

Kumpulan Waug yang disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 1988 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk ,perkhidmatan bagi tahun itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan dan sukacitalah mendapat tahu bahawa kedudukan ekonomi telah mula pulih hasil dari usaha-usaha Kerajaan beberapa tahun kebelakangan ini untuk memperkukuhkan ekonomi negara. Kenaikan dalam perbelanjaan awam dapat dibendung, akaun semasa imbalan pembayaran pun mencatatkan lebihan buat pertama kali, berikutan pendapatan eksport yang bertambah baik dan pertumbuhan import yang sederhana. Pinjaman di luar negeri berada pada paras yang tinggi. Sungguhpun begitu, kadar pertumbuhan ekonomi kita masih sederhana, belum lagi memuaskan. Perkembangan ekonorai antarabangsa kini masih lagi tidak begitu menggalakkan. Pertumbuhan ekonomi di negara-negara perindustrian masih berada pada tahap yang sederhana. Kadar faedah kian meningkat, tekanan perlindungan perdagangan di negara-negara maju makin ketara dan kuat. Semua ini sedang mendatangkan kesan buruk dan tentu juga akan menimbulkan kesulitan kepada negara-negara membangun, terutamanya negara-negara yang bergantung kepada perdagangan antarabangsa ataupun yang mempunyai hutang luar negeri yang besar.

Kerajaan tidak boleh tidak mengadakan implikasinya yang serius ke atas perdagangan dan pertumbuhan ekonomi negara kita. Oleh sebab perkembangan ekonomi yang sederhana dan prestasi sektor swasta yang lembab, kadar mewujudkan peluang pekerjaan pun perlahan. Peluang-peluang pekerjaan yang tersedia atau wujud itu adalah tidak memadai untuk menampung tenaga buruh yang makin bertambah. Menurut Menteri Kewangan, terdapat lebih kurang 170,000 orang memasuki pasaran buruh pada setiap tahun. Tidak hairanlah pengangguran semakin meningkat

dan kadar pengangguran dijangka akan melebihi 9% pada tahun 1988. Kecenderungan ini harus dicegah atau dibendung. Oleh kerana itu semua pihak baik pihak Kerajaan mahupun sektor swasta perlu terus berusaha dengan lebih gigih untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Dengan yang demikian kita boleh mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran, memesatkan proses pemulihan ekonomi serta mengukuhkan kedudukan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang sedar bahawa Kerajaan memandang berat masalah-masalah tersebut akan menyegerakan beberapa skim dan projek, melaksanakan projek-projek pembangunan yang menambah peruntukan perbelanjaan pembangunannya serta mengambil langkah-langkah lain untuk menyediakan peluang-peluang pekerjaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah beberapa kali menegaskan iaitu Kerajaan tidak lagi mampu menjadi majikan yang banyak sekali menyediakan peluang pekerjaan dan sektor swasta diseru memberikan sambutan yang lebih mesra, lebih positif dengan merebut peluang-peluang pengeluaran dan pelaburan yang tersedia demi untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih pesat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa pada keseluruhannya Belanjawan tahun 1988 yang sedang dibentangkan itu adalah baik tetapi demi untuk mencapai tujuan utama strategi Belanjawan tahun 1988 yang diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu mengukuhkan proses perolehan ekonomi dengan menggalakkan pertumbuhan yang mewujudkan peluang pekerjaan. Kita haruslah berusaha dengan lebih gigih.

Beberapa masalah yang akan saya utarakan nanti, saya berharap dapat diberi pertimbangan serius. Langkah-langkah harus diambil untuk mewujudkan suasana yang stabil dan baik bagi pelaburan sektor swasta. Jikalau tidak, saya khawatir pertumbuhan ekonotni tidak akan sepesat sepertimana yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara pertama telah saya katakan di Dewan yang mulia ini pada bulan Disember yang lalu iaitu satu perkara Yang penting harus diberi perhatian serius oleh para pemimpin politik iaitu iklim atau suasana politik dalam negara yang baik harus dipupuk, dipelihara dan dijaga.

Pada waktu ini saya telah mengingatkan mereka janganlah mengutarakan sesuatu mengikut emosi di tempat-tempat apapun tanpa mengambil kira perasaan orang lain, tanpa memikirkan secara mendalam kerana perbuatair-perbuatan yang tidak bertanggungjawab itu tentu menimbulkan keadaan huru-hara yang akan menjejaskan atau menghalang pertumbuhan ekonomi. Sangat kesallah kita melihat kejadian semacam ini berulang lagi akhir-akhir ini.

Kita sedar bahawa pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat bergantung kepada ketenteraman dan kestabilan, Nyatalah kegiatan

dan tohmahan orang-orang yang tidak bertanggungjawab itu telah meletakkan negara kita di dalam keadaan ketegangan. Dengan itu kestabilan negara akan tergugat. Tambahan lagi kini kita sedang menghadapi pertumbuhan ekonomi yang perlahan. Ekonomi negara belum pulih sepenuhnya. Kadar pengangguran masih meningkat. Maka jika keadaan seumpama ini dibiarkan berterusan, pembangunan dan kemajuan negara akan terjejas dan rakyat akan terus menderita.

Syukurlah Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad telah mengambil tindakan tegas untuk mencegah keadaan huru-hara itu dari merebak lebih lanjut. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita telahpun mengatakan Kerajaan mungkin betul dan ia juga tentunya boleh silap. Tidak seharusnya menyalahkan Kerajaan, seolah-olah Kerajaanlah punca segala keburukan. Kita mesti akui keikhlasan niat Kerajaan dalam usahanya menjamin perpaduan, kesejahteraan dan kemakmuran rakyat berbilang kaum. Maka semua pihak terutama pemimpin-pemimpin politik hendaklah dapat menyelesaikan masalah-masalah apa pun tertimbul melalui cara perundingan antara satu sama lain kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kedua, berhubung dengan usaha Kerajaan menggalakkan pelaburan sektor swasta. Boleh dikatakan Kerajaan telah berjaya memujuk bukan sedikit pelabur-pelabur asing datang ke mari melabur di dalam negara kita.

Sememangnya Malaysia adalah boleh menjadi salah satu pusat pelaburan di rantau ini kerana di sini tersedia suasana yang baik bagi pelaburan iaitu kaya dengan sumber alam, tenaga buruh yang banyak dan berharga rendah serta kos-kos pengeluaran yang rendah. Sungguhpun begitu, prestasi sektor swasta masih lembab. Apa

sebabnya? Para perancang strategi ekonomi haruslah membuat suatu penyelidikan dan pengkajian mendalam terhadap masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, pelaburan asing sedang bertambah memasuki sektor swasta dalam negeri seharusnya mempunyai keyakinan lebih dan hasrat untuk membuat kemajuan menyertai kegiatan-kegiatan dengan lebih positif di bidang-bidang pembangunan ekonomi. Kelihatan mereka masih ada sedikit kebimbangan atau keraguan untuk menampil ke hadapan.

Kerajaan sedang memberi berbagai layanan, keutamaan dan kemudahan kepada pelabur-pelabur asing. Maka demi untuk memesatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara. layanan yang sama hendaklah diberi kepada sektor swasta dalam negeri agar mereka dapat berkeyakinan lebih hingga menyertai secara lebih giat aktiviti-aktiviti ekonomi yang dapat memberi sumbangan kepada pemulihan dan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih pesat.

Selain dari itu, pihak swasta pun perlu memikir dan berubah sikap terhadap pelaburan. Mereka hendaklah memberi sambutan hangat kepada rayuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu marilah kita bersikap positif, marilah kita bersedia mencuba idea baru, marilah kita sama-satna ubahsuaikan idea itu, jika kita gagal di peringkat permulaan. Saya menyakini keikhlasan niat beliau dalam usahanya meningkatkan kemakmuran ekonomi dan memelihara kesejahteraan dan perpaduan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga, saya ingin meuyentuh masalah struktur cukai syarikat yang berkaitan dengan pertumbuhan sektor perdagangan, pertanian dan perindustrian. Sukacitalah mengetahui Kerajaan akan mengkaji semula struktur cukai syarikat yang ada sekarang.

Kadar cukai pendapatan yang dikenakan kepada syarikat-syarikat. sekarang adalah sangat tinggi dibandingkan dengan kadar cukai. di mana-mana negara jiran. Oleh **itu**, Kerajaan sedang bercadang menghapuskan keuntungan berlebihan sebanyak 3% ke atas syarikat dari tahun taksiran 1988 sambil melanjutkan tempoh kuatkuasa Elaun Pelaburan Semula selama dua tahun lagi serta menaikkan kadar Elaun Pelaburan Semula dari kadar sekarang sebanyak 25% kepada 40%.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya langkah-langkah tersebut masih kurang memadai. Penghapusan cukai keuntungan berlebihan syarikat itu hanya mendatangkan faedah kepada syarikat besar yang jumlahnya sangat kecil. Kebanyakan syarikat pendapatannya tidak melebihi \$2 juta. Maka saya ingin bercadang bahawa Kerajaan boleh mengkaji semula struktur cukai itu dan mengurangkan lagi kadar cukai syarikat atau menghapuskan cukai pembangunan sebanyak 5% kelak. Dengan langkah-langkah itu, saya yakin pertumbuhan pelaburan swasta akan lebih dipesatkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang hendak saya bangkitkan di Dewan yang mulia ini iaitu mengenai Skim Bayaran Insuran Cukai Pendapatan. Tujuan untuk melaksanakan skim itu pada amnya adalah baik kerana ianya bertujuan mengurangkan tunggakan cukai pendapatan.....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, panjang lagikah?

Tuan Tiong Hiew King: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Behormat Tuan Tiong!

Tuan Tiong Hiew King: Tidak panjang lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab masanya sudah sampai untuk kita tangguhkan mesyuarat ini. Berapa lama lagi?

Tuan Tioog Hiew King: Ada 20 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Hari Isnin. Berapa minit?

Tuan Tiong Hiew Kiog: 20 minit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Oh! macam ini terpaksa saya tangguhkan.
Yang Berhormat boleh sambung ucapan pada hari Isnin.

Tuan Tiong Hiew King: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ini ditangguhkan sampai hari Isnin, 7hb Disember, 1987, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.

**[Jawapan bagi Pertanyaan No. 23 hingga 25
adalah diberi di bawah ini).**

**JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KEMAJUAN KAMPUNG
DI LOMBONG/ESTET**

23. **Tuan C. Krishnan** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menubuhkan JKKR seperti yang telah dilakukan dalam rancangan FELDA, di ladang-ladang dan lombong-lombong juga. Ini ialah kerana penghuni-penghuni di lombong-lombong dan ladan-ladang swasta tersebut pun menghadapi beberapa kesulitan dalam konteks pembangunan walaupun mereka menduduki tanah swasta.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman]: Setakat ini Kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) yang khas di kawasan lombong dan estet. Ini ialah kerana perkampungan kecil di ladang-ladang dan lombong-lombong boleh diletakkan di bawah JKKK kampung berhampiran. Walau bagaimanapun, sekiranya pihak pengurusan ladang dan lombong merasakan JKKK yang khas bagi kedua-dua sektor ini perlu ditubuhkan maka cadangan tersebut bolehlah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri yang berkaitan untuk pertimbangan. Persetujuan Kerajaan Negeri adalah perlu memandangkan bahawa kuasa menubuh JKKK dan melantik ahli-ahlinya adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri.

ASN - PELABURAN TERKUMPUL

24. **Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) jumlah pelaburan terkumpul sehingga ini melalui Skim Amanah Saham Nasional;
- (b) jumlah sehingga ini keuntungan yang telah dikeluarkan kepada pelabur-pelabur dalam bentuk dividen dan bonus;
- (c) langkah-langkah yang diambil untuk menarik mereka yang layak menyertai skim ini untuk melabur terus terutamanya golongan belia; dan
- (d) sama ada Kerajaan akan memperkenalkan satu Program Khas bagi membolehkan pelajar-pelajar di bawah umur 18 tahun melabur dalam ASN.

Raja Ariffin bin Raja Sulaiman:

- (a) Sehingga 31.10.1987 jumlah pelaburan terkumpul dalam Skim Amanah Saham Nasional berjumlah \$2,811 juta (tidak termasuk dividen dan bonus);
- (b) Jumlah dividen dan bonus yang telah dikeluarkan kepada pelabur-pelabur untuk tempoh 7 tahun dari 1981 - 1987 berjumlah \$1,838.1 juta.
- (c) Langkah-langkah yang telah diambil untuk menarik mereka yang layak menyertai Skim ASN untuk terus melabur ialah:-
 - (i) mengadakan kempen gerakan tumpuan dari rumah ke rumah;
 - (ii) mengadakan ceramah dan pelaburan berkelompok;

- (iii) menyediakan kemudahan perkhidmatan untuk menambah pelaburan iaitu menerusi skim potongan gaji dan mel terus.

Bagi golongan belia khususnya, langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:-

- (i) menghantar surat aluan daripada ASN bersama dengan surat-surat tawaran kepada belia-belia yang berjaya memasuki pusat pengajian tinggi/maktab perguruan/pusat latihan polis/pusat latihan tentera/ITM dan lain-lain institusi;
- (ii) mengadakan ceramah dari semasa ke semasa untuk memperkenalkan Skim ASN di samping mengadakan kemudahan-kemudahan kepada belia-belia untuk membuat pelaburan baru atau menambah pelaburan mereka.

Kementerian Belia dan Sukan baru-baru ini telah bersetuju untuk memberi anugerah sukan kepada belia-belia bumi-putera dalam bentuk Sijil ASN dan menjadikan penyertaan dalam Skim ASN sebagai salah satu syarat dalam sebarang program belia yang akan dilaksanakan di seluruh negara.

- (d) Buat masa ini tidak ada lagi rancangan untuk memperkenalkan sesuatu program khas untuk pelajar-pelajar yang berumur di bawah 18 tahun melabur dalam Skim ASN.

RUNGUTAN PERWAKILAN MALAYSIA DI LUAR NEGERI

25. **Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kementeriannya sedar akan terdapatnya rungutan-rungutan dari Perwakilan-perwakilan kita di luar negeri berikutan dari kekurangan peruntukan perjalanan dan keraian yang telah menjejaskan prestasi tugas-tugas mereka. Adakah rungutan-rungutan ini benar, jika benar apakah tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kementerian bagi memperbaiki keadaan tersebut.

Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Adalah memang benar terdapat rungutan-rungutan daripada setengah-setengah Perwakilan kita di luar negeri mengenai pengurangan peruntukan **ini**, Keadaan ini tidak dapat dielakkan oleh kerana Kementerian, selaras dengan dasar jimat-cermat Kerajaan telah mengurangkan peruntukan daripada yang selalu diagihkan.

Walau bagaimanapun, Kementerian sentiasa berhubung dengan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan untuk mendapatkan peruntukan yang lebih supaya dapat disalurkan kepada perwakilan kita di luar negeri bagi membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas dengan lebih berkesan lagi.